



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

NEGERI KELANTAN

TAHUN 2013

DEWAN UNDANGAN NEGERI KELANTAN



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA




JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI

NEGERI KELANTAN
TAHUN 2013

KANDUNGAN



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	8
Akaun Hasil Disatukan	10
Akaun Pinjaman Disatukan	17
Akaun Amanah Disatukan	18
Prestasi Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	23
Penyata Prestasi Kewangan	23
Penyata Akaun Memorandum	24
Nota Kepada Penyata Kewangan	29
Rumusan Dan Syor Audit	30
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	33
Rumusan	35
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Latar Belakang	39
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri	39

PERKARA**MUKA SURAT**

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	40
Objektif Pengauditan	40
Skop Dan Metodologi Pengauditan	41
Kawalan Utama	41
Penemuan Audit	53
Pemeriksaan Audit Mengejut	58
Syor Audit	60

**BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

Pendahuluan	65
Pengauditan Penyata Kewangan	65
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	65
Pengesahan Penyata Kewangan	66
Pembentangan Penyata Kewangan	67
Prestasi Kewangan	67
Syor Audit	79

**BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
AWAM NEGERI**


Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	83
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	83

PENUTUP	87
----------------	----

LAMPIRAN

I	Sijil Ketua Audit Negara	91
II	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	92
III	Penyata Kedudukan Kewangan	93
IV	Penyata Penerimaan Dan pembayaran Wang Tunai	94
V	Penyata Prestasi kewangan	96
VI	Penyata Akaun Memorandum	97
VII	Nota Kepada Penyata Kewangan	98

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini yang berpandukan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

1.1. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2013 adalah tahun ketujuh pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan sehingga mencapai tahap cemerlang. Penarafan AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia dapat membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik seperti **Cepat, Tepat dan Berintegriti**. Selain itu, sebagai usaha berterusan memupuk kesedaran dan iltizam integriti yang tinggi di kalangan penjawat awam dalam pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut juga dilaksanakan di beberapa Pusat Tanggungjawab terpilih seluruh negeri.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2013 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2013. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh Jabatan/Agensi bagi melindungi semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakuran yang serius.

3. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengubah asas perakaunan yang diamalkan sekarang iaitu Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan mulai tahun 2015. Perakaunan Akruan mengiktiraf dan merekodkan semua urusan niaga pada masa ia berlaku. Selain itu, ia menghendaki semua aset Kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup berserta semua jenis liabiliti Kerajaan ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Perlaksanaan dasar Perakaunan Akruan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan Transformasi Sektor Awam bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri hendaklah memantapkan lagi Pengurusan Kewangan di peringkat Jabatan/Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan stor sebagai persediaan awal ke arah tersebut. Justeru itu, pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat perlu dipertingkatkan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.




(TAN SRI DATO SETIA' HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
18 Ogos 2014

INTISARI LAPORAN



BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun 2013 adalah baik. Kesemua angka dalam Penyata Kewangan dapat disahkan kerana dokumen sokongan yang mencukupi telah dikemukakan. Pada keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada akhir tahun 2013 secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Ini adalah disebabkan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi Kerajaan Negeri telah mengalami penurunan sejumlah RM46.88 juta atau 36.7% iaitu daripada RM127.59 juta pada tahun 2012 kepada RM80.71 juta pada tahun 2013. Akaun Hasil Disatukan menurun sejumlah RM77.78 juta menjadi defisit RM585.90 juta pada tahun 2013 daripada defisit RM508.13 juta pada 2012. Akaun Pinjaman Disatukan mencatatkan baki RM27.70 juta pada tahun 2013 berbanding RM1.87 juta pada 2012, manakala Akaun Amanah Disatukan telah meningkat sejumlah RM5.08 juta menjadi RM638.92 juta pada tahun 2013 berbanding RM633.84 juta pada 2012. Secara umumnya baki defisit Akaun Hasil Disatukan untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2013, telah ditampung oleh baki Akaun Amanah Disatukan. Pelaburan Kerajaan Negeri juga telah berkurang pada tahun 2013 menjadi RM20.05 juta. Aliran wang tunai bagi tahun 2013 iaitu jumlah penerimaan berbanding pembayaran wang tunai merekodkan defisit berjumlah RM43.43 juta berbanding defisit RM9.71 juta bagi tahun 2012. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 mencatatkan defisit berjumlah RM77.78 juta berbanding defisit RM69.69 juta bagi tahun 2012. Prestasi keseluruhan kewangan Kerajaan Negeri di mana hasil berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan tahun 2013 mencatatkan penurunan iaitu daripada defisit RM243.70 juta tahun 2012 kepada defisit RM252.56 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman daripada agensi Kerajaan Negeri telah meningkat daripada RM147.71 juta pada tahun 2012 kepada RM180.77 juta tahun 2013. Pelaburan di Penyata Akaun Memorandum mengalami penurunan daripada RM11.55 juta pada tahun 2012 kepada RM9.34 juta tahun 2013. Seterusnya, tunggakan bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan juga turut meningkat daripada RM204.77 juta pada tahun 2012 kepada RM247.16 juta tahun 2013.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Sehingga tahun 2013, Kerajaan Negeri Kelantan telah membelanjakan sejumlah RM493.45 juta atau 36.5% daripada peruntukan keseluruhan untuk tempoh 5 tahun (2011-2015) yang diluluskan berjumlah RM1,351.17 juta. Bagi peruntukan tahun 2013 Kerajaan Negeri telah membelanjakan 66.2% atau RM174.78 juta daripada peruntukan tahun semasa

berjumlah RM264.06 juta. Sejumlah 3,203 projek daripada jumlah projek yang dirancang pada tahun 2013 iaitu 3,228 atau 99.2% telah siap dilaksanakan manakala 20 projek sedang dalam pelaksanaan dan lima projek belum dilaksanakan.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pencapaian pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2013 secara keseluruhannya adalah baik. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2013 adalah didapati pencapaian pengurusan kewangan di 8 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap sangat baik dan 8 Jabatan/Agensi adalah pada tahap baik. Ini menunjukkan peningkatan pencapaian pengurusan kewangan berbanding pada tahun 2012 di mana 6 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah pada tahap sangat baik. Jabatan dan Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah-langkah penambahbaikan dijalankan oleh Jabatan/Agensi seperti mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.


BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Pada umumnya, penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri adalah memuaskan. Sehingga 30 Jun 2014, 21 daripada 22 Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah dapat mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2013. Sebagaimana tahun sebelumnya, sebanyak 21 Penyata Kewangan tahun 2012 telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 1 Sijil Berteguran. Bagaimanapun, dari segi pembentangan Penyata Kewangan, terdapat 1 Penyata Kewangan tahun 2012 belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri walaupun Sijil Audit telah dikeluarkan.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 7 Oktober 2013. Manakala Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2012 Siri 3 telah pun dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 6 Mac 2014. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kelantan telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011. Sehingga 30 Jun 2014, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 5 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara. Laporan Jawatankuasa tersebut telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 10 Oktober 2013.

BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan
Kerajaan NEGERI KELANTAN
Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2013



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 kepada Jabatan Audit Negara pada **24 Februari 2014**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan kewangan asas tunai bagi tahun 2013 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud Kumpulanwang Disatukan dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2013. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan pencapaian kewangan Kerajaan Negeri bagi sesuatu tahun kewangan. Ia terdiri daripada jumlah hasil tahunan ditolak dengan belanja mengurus tahunan yang menghasilkan lebihan/(defisit) hasil tahunan. Seterusnya belanja pembangunan untuk tahun berkenaan ditolak daripada lebihan/(defisit) hasil tadi untuk mendapatkan lebihan/(defisit) keseluruhan. Pembiayaan untuk defisit hasil juga ditunjukkan di dalam Penyata ini.

1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2013 dan 2014 (sehingga Mac) terhadap Pejabat Perbendaharaan Negeri dan teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. Pengesahan terhadap Penyata Kewangan secara muktamad dilaksanakan setelah menerima Penyata Kewangan daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri.


3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan.

3.2. Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013, juga membuat analisis terhadap maklumat kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan kedudukan Wang Tunai, Pelaburan, Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Analisis juga meliputi prestasi penerimaan dan pembayaran wang tunai, prestasi kewangan serta aset dan liabiliti di Penyata Akaun Memorandum.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM80.71 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM70.00 juta dan pelaburan sejumlah RM10.71 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Kelantan bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-508.12	-585.90	-77.78	-15.3
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	1.87	27.70	25.83	1,381.3
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	633.84	638.92	5.08	0.8
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	81.81	76.50	-5.30	-6.5
	ii) Kumpulan Wang Pembangunan	-283.26	-370.96	-87.70	-31.0
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	481.43	577.59	96.16	20.0
	iv) Akaun Deposit	353.86	355.78	1.92	0.5
Jumlah		127.59	80.71	-46.88	-36.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.2.2. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami penurunan sejumlah RM46.88 juta atau 36.7% iaitu daripada RM127.59 juta pada tahun 2012 menjadi RM80.71 juta pada tahun 2013. Penurunan ini antara lain disebabkan oleh penurunan baki Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah masing-masingnya RM77.78 juta dan RM87.70 juta pada tahun semasa.

4.2.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.2**. Kedudukan bagi tahun 2013 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-438.11	-441.57	-438.43	-508.12	-585.90
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	1.87	27.70
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	535.34	589.87	672.90	633.84	638.92
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	116.30	85.86	80.95	81.81	76.50
	ii) Kumpulan Wang Pembangunan	-146.62	-160.28	-195.46	-283.26	-370.96
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	287.20	349.32	410.05	481.43	577.59
	iv) Akaun Deposit	278.46	314.97	377.36	353.86	355.78
Jumlah		97.23	148.30	234.47	127.59	80.71

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang Tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan deposit dalam bank yang disimpan bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Manakala Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada beberapa pemegang panjar.

4.3.1.2. Baki Wang Tunai pada tahun 2013 berjumlah RM70.00 juta berbanding RM113.43 juta pada tahun 2012. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2012 dan 2013 menunjukkan penurunan berjumlah RM43.43 juta atau 38.3% menjadi RM70.00 juta berbanding RM113.43 juta pada tahun 2012. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	113.00	69.92	-43.08	-38.1
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.41	0.05	-0.36	-87.8
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.02	0.03	0.01	50.0
Jumlah		113.43	70.00	-43.43	-38.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.3.1.3. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2009 hingga tahun 2013 menunjukkan peningkatan baki wang tunai bagi tahun 2010, manakala menurun dalam tahun 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4

Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	75.93	131.82	123.09	113.00	69.92
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	3.63	0.13	0.03	0.41	0.05
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.04	0.02	0.02	0.02	0.03
Jumlah		79.60	131.97	123.14	113.43	70.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan peraturan yang dikuatkuasakan. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.3.2.2. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2012 dan 2013 menunjukkan penurunan berjumlah RM3.45 juta atau 24.4% kepada RM10.71 juta berbanding RM14.16 juta pada tahun 2012. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pencairan pelaburan yang mencapai tempoh matang.

4.3.2.3. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5

Baki Pelaburan Pada Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Saham	5.43	4.98	- 0.45	- 8.3
2.	Deposit Dalam Negeri	8.73	5.73	- 3.00	- 34.4
Jumlah		14.16	10.71	- 3.45	- 24.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan


4.3.2.4. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan pelaburan mengalami penurunan pada tahun 2010 tetapi meningkat dalam tahun 2011. Bagaimanapun, penurunan dalam pelaburan dicatatkan semula dalam tahun 2012 dan 2013. Baki pelaburan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013 seperti

di **Jadual 4.6** dan **Carta 4.1**. Baki pelaburan pada tahun 2013 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.6
Baki Pelaburan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Saham	9.03	6.03	4.98	5.43	4.98
2.	Deposit Dalam Negeri	8.60	10.30	106.35	8.73	5.73
Jumlah		17.63	16.33	111.33	14.16	10.71

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urusan kutipan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Acara Kewangan 1957. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2013 dengan defisit semasa berjumlah RM77.78 juta. Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan mengurus berjumlah RM455.89 juta melebihi hasil yang diperolehi berjumlah RM378.10 juta. Maklumat mengenai hasil dan perbelanjaan mengurus adalah seperti berikut:

4.4.1. Hasil

Kerajaan Negeri memungut tiga jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

4.4.1.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Pada tahun 2013, kutipan hasil sebenar berjumlah RM378.10 juta iaitu RM203.67 juta atau 35% kurang berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM581.77 juta seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7

Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Bil.	Butiran Hasil	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Perbezaan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	296.80	83.90	-212.90	-71.7
2.	Hasil Bukan Cukai	171.57	114.63	-56.94	-33.2
3.	Terimaan Bukan Hasil	113.41	179.56	66.15	58.3
Jumlah		581.77	378.10	-203.67	-35.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4.1.2. Kutipan Hasil Sebenar Tahun 2013 Berbanding 2012

Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah berjumlah RM378.10 juta iaitu meningkat sejumlah RM4.46 juta atau 1.2% berbanding tahun 2012 berjumlah RM373.64 juta seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8

Kutipan Hasil Sebenar Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	76.51	83.90	7.39	9.7
2.	Hasil Bukan Cukai	131.79	114.63	-17.16	-13.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	165.34	179.56	14.22	8.6
Jumlah		373.64	378.10	4.46	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4.1.3. Prestasi Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tahun 2009 Hingga 2013


Analisis perbandingan kutipan hasil bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan kutipan hasil pada setiap tahun kecuali pada tahun 2012. Prestasi hasil negeri bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.9** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.9

Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	69.10	75.87	78.79	76.51	83.90
2.	Hasil Bukan Cukai	104.01	137.11	162.79	131.79	114.63
3.	Terimaan Bukan Hasil	161.70	166.66	185.90	165.34	179.56
Jumlah		334.81	379.64	427.48	373.64	378.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan



4.4.1.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah Premium Tanah, Royalti Kayu Kayan, Cukai Tanah, Pemberian Mengikut Ramai Penduduk dan Premium Perhutanan. Butiran hasil ini telah menyumbang sejumlah RM135.18 juta atau 35.8% daripada jumlah hasil tahun 2013 yang berjumlah RM378.10 juta. Butiran terperinci lima hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Premium Tanah	26.22	29.06	42.08	45.56	22.53
2.	Royalti Kayu Kayan	24.44	24.31	21.49	21.57	20.12
3.	Cukai Tanah	23.76	27.87	30.37	32.37	34.16
4.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	20.84	20.91	24.58	22.98	27.41
5.	Premium Perhutanan	17.84	28.87	25.62	18.83	30.96
Jumlah		113.10	131.02	144.14	141.31	135.18

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4.1.5. Perubahan Hasil Yang Ketara Tahun 2013 Berbanding 2012

Perubahan hasil yang ketara pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11**Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Kekurangan	55.70	86.05	30.35	54.5	Peningkatan dalam perbelanjaan mengurus negeri yang diimbuh balik oleh Kerajaan Persekutuan.
2.	Premium Perhutanan	18.83	30.96	12.13	64.4	Peningkatan lesen baru diluluskan dan lesen yang disambung semula.
3.	Bayaran Balik Modal Pelaburan Saham	0.00	4.51	4.51	100.0	Penjualan saham dan pelaburan dalam tahun 2013
4.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	22.98	27.41	4.43	19.3	Pertambahan jumlah penduduk Negeri Kelantan berdasarkan data Jabatan Pendaftaran Negara.
5.	Royalti Manganese	3.54	7.69	4.15	117.2	Peningkatan hasil adalah disebabkan usaha-usaha semakan terhadap laporan eksport oleh Akauntan dan Pembantu Akauntan yang dilantik oleh Pejabat Tanah dan Galian dengan kerjasama Jabatan Audit Negara dan Jabatan Kastam.

Sumber: Penyata Kewangan Negeri Kelantan

4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada dua jenis iaitu perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, perbelanjaan tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan bayaran balik hutang awam. Manakala perbelanjaan perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian.

4.4.2.2. Pada tahun 2013, peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus adalah RM535.95 juta. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM37.80 juta menjadikan jumlah peruntukan muktamad bagi tahun 2013 adalah berjumlah RM573.74 juta. Peruntukan tambahan ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 17 Jun 2013 sejumlah RM9.15 juta dan RM28.65 juta pada 7 Oktober 2013. Sejumlah RM455.89 juta atau 79.5% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan muktamad tahun 2013. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM12.56 juta atau 2.8% menjadi RM455.89 juta pada tahun 2013 berbanding RM443.33 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 berbanding 2012 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12**Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	155.95	156.33	0.38	0.2
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	81.23	88.48	7.25	8.9
3.	Aset	13.70	16.33	2.63	19.2
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	192.05	194.37	2.32	1.2
5.	Perbelanjaan Lain	0.40	0.38	-0.02	-5.0
Jumlah		443.33	455.89	12.56	2.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4.2.3. Perbelanjaan mengurus yang mencatatkan perubahan yang ketara pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13**Peningkatan Perbelanjaan Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Tuntutan Insurans Dan Pampasan	5.70	10.14	4.44	77.9	Bayaran pampasan tanah Lot 560 Seksyen 20 Bandar Kota Bharu, tarif air dan gantirugi kes kemalangan
2.	Ganjaran	0.15	4.49	4.34	2,893.3	Bayaran ganjaran kepada 45 Ahli Dewan Undangan Negeri kerana pembubaran Dewan Negeri sempena Pilihanraya Umum yang ke 13.
3.	Kenderaan Dan Jentera	4.09	8.13	4.04	98.8	Perolehan 22 buah lori kompaktor bagi maksud pinjaman dari Kerajaan Negeri kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan.
4.	Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain	2.33	5.52	3.19	135.9	Peningkatan bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan berdasarkan aliran wang tunai semasa Kerajaan Negeri.
5.	Pinjaman	0.00	1.50	1.50	100.0	Pinjaman kepada Perbadanan Bandar Baru Tunjong bagi projek pengambilan balik 26 lot tanah milik bagi tujuan menyediakan tapak seluas 6.2 ekar untuk pajakan kepada Tenaga Nasional Berhad untuk pembinaan pencawang masuk utama Bandar Baru Tunjong,


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4.2.4. Analisis perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2009 hingga tahun 2013 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun seperti yang ditunjukkan di **Jadual 4.14** dan **Carta 4.3**.

Jadual 4.14**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Emolumen	127.75	140.90	140.43	155.95	156.33
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	69.50	72.45	83.67	81.23	88.48
3.	Aset	8.27	12.60	10.93	13.70	16.33
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	146.25	154.26	187.27	192.05	194.37
5.	Perbelanjaan Lain	2.50	2.89	2.05	0.40	0.38
Jumlah		354.27	383.10	424.35	443.33	455.89

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Carta 4.3**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4.3. Prestasi Akaun Hasil Disatukan

4.4.3.1. Kerajaan Negeri Kelantan mengakhiri tahun kewangan 2013 dengan defisit semasa berjumlah RM77.78 juta iaitu peningkatan defisit 11.6% sejumlah RM8.09 juta berbanding defisit berjumlah RM69.69 juta pada tahun 2012. Peningkatan defisit semasa yang ketara ini telah menyumbang kepada peningkatan defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan kepada RM585.90 juta pada tahun 2013 berbanding defisit RM508.13 juta pada tahun 2012. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15**Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-438.44	-508.13	-69.69	-15.9
Hasil	373.64	378.10	4.46	1.2
Perbelanjaan Mengurus	443.33	455.89	12.56	2.8
Defisit Bagi Tahun	-69.69	-77.78	-8.09	-11.6
Baki Pada 31 Disember	-508.13	-585.90	-77.78	-15.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4.3.2. Analisis trend bagi tahun 2009 hingga 2013 mendapati Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit terkumpul yang berterusan di mana defisit pada tahun 2013 adalah yang tertinggi bagi tempoh lima tahun tersebut. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.16**. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit pada setiap tahun kecuali pada tahun 2011.

4.4.3.3. Pihak Kerajaan Negeri perlu meneliti segera keadaan atau trend ini kerana sekiranya tidak ditangani akan menyebabkan berlakunya keadaan defisit pada tahun akan datang. Kawalan perbelanjaan berhemah hendaklah diteruskan di samping usaha meningkatkan kutipan hasil negeri perlu segera diberi perhatian.

Jadual 4.16**Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-418.65	-438.11	-441.57	-438.44	-508.13
Hasil	334.81	379.64	427.48	373.64	378.10
Perbelanjaan Mengurus	354.27	383.10	424.35	443.33	455.89
Surplus/Defisit Bagi Tahun	-19.46	-3.46	3.13	-69.69	-77.78
Baki Pada 31 Disember	-438.11	-441.57	-438.44	-508.13	-585.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.4.4. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun-tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP58(a) mendapati bayaran berjumlah RM1.32 juta telah dibuat pada tahun 2013. Pembayaran di bawah AP58(a) sebahagian besarnya melibatkan Jabatan hal Ehwal Agama Islam, Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan. Pembayaran yang dibuat adalah terutamanya bagi maksud bayaran elaun guru Quran dan Fardhu Ain bagi bulan Disember 2012 dan Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup.

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

4.5.2. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM62.64 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Tujuan pinjaman yang diterima pada tahun semasa adalah bagi membiayai projek berikut:

- Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Pintu Geng Kota Bharu (2012) bernilai RM26.66 juta;
- Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Pintu Geng Kota Baharu (2013) bernilai RM16.40 juta;
- Projek Skim Bekalan Air Merbau Chondong Fasa II, Machang bernilai RM5.32 juta;
- Projek Kerja Kajian Dan Pelaksanaan Program NRW Seluruh Negeri Kelantan bernilai RM4.95 juta;
- Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Kg Chap, Bachok bernilai RM3.87 juta;
- Projek Membaikpulih Loji Rawatan Air Jajahan Gua Musang bernilai RM3.06; dan
- Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Jajahan Gua Musang bernilai RM2.38 juta.

4.5.3. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17
Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	1.87	1.87	100.0
Terimaan	37.15	62.64	25.49	68.6
Pindahan	35.28	36.81	1.53	4.3
Baki Pada 31 Disember	1.87	27.70	25.83	1,381.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.5.4. Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2013 berbaki RM27.70 juta kerana pinjaman-pinjaman bagi membiayai Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Pintu Geng Kota Bharu (2013) berjumlah RM16.40 juta, Projek Kerja Kajian dan Pelaksanaan Program NRW Seluruh Negeri Kelantan (Fasa 2) berjumlah RM4.95 juta, Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Kg Chap, Bachok berjumlah RM3.87 juta, Projek Skim Bekalan Air Merbau Chondong Fasa II, Machang berjumlah RM1.48 juta dan Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Jajahan Gua Musang berjumlah RM1.00 juta belum disalurkan kepada Air Kelantan Sdn. Bhd pada

31 Disember 2013. Pinjaman masih belum disalurkan kepada Air Kelantan Sdn Bhd kerana Perjanjian Pinjaman antara Kerajaan Negeri dengan Air Kelantan Sdn Bhd untuk tiga projek pertama masih belum diterima oleh Perbendaharaan Negeri manakala dua pinjaman lagi hanya diterima pada akhir bulan Disember 2013.

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Suratcara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan, 1957. Pada akhir tahun 2013, Akaun Amanah Disatukan berbaki kredit berjumlah RM638.92 juta berbanding baki kredit berjumlah RM633.84 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM5.08 juta atau 0.8%.

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi tujuan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Penubuhannya adalah tertakluk kepada kelulusan Badan Perundangan Negeri.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kumpulan Wang Pembangunan ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut. Penerimaan kumpulan wang ini bagi tahun 2013 berjumlah RM87.09 juta adalah terdiri daripada pinjaman dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM36.81 juta dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM50.28 juta. Pembayaran dari kumpulanwang pembangunan bagi tahun 2013 adalah berjumlah RM174.78 juta berbanding RM174.01 juta pada tahun 2012 iaitu meningkat sejumlah RM0.77 juta atau 0.4%.
- b. Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2012 berjumlah RM283.26 juta meningkat kepada RM370.96 juta pada akhir tahun 2013 kerana tahun semasa mencatatkan defisit perbelanjaan pembangunan berjumlah RM87.69 juta. Perbandingan baki defisit bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18**Baki Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-195.46	-283.26	-87.80	-44.9
Penerimaan	86.21	87.09	0.88	1.0
Pembayaran	174.01	174.78	0.77	0.4
Kurangan	-87.80	-87.69	0.11	0.1
Baki Pada 31 Disember	-283.26	-370.96	-87.70	-31.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan


4.6.1.2. Akaun Kena Bayar

- a. Akaun Kena Bayar (AKB) pula adalah bayaran yang dilakukan pada bulan Januari tahun berikutnya bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah dilakukan pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa dan bayaran dikenakan dalam peruntukan tahun tersebut. Pada tahun 2013, jumlah AKB adalah RM13.52 juta berbanding RM10.68 juta pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM2.84 juta atau 26.6%.
- b. Analisis perbandingan AKB bagi tempoh lima tahun menunjukkan perbelanjaan AKB mengalami peningkatan dan penurunan bersilih ganti untuk tahun 2010 hingga tahun 2013 seperti yang ditunjukkan di **Jadual 4.19** dan **Carta 4.4**.

Jadual 4.19**Kedudukan Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Akaun Kena Bayar	38.87	15.99	18.37	10.68	13.52

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 iaitu terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

4.6.2.1. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri Kelantan mempunyai 19 Akaun Amanah Awam yang dikendalikan oleh sembilan Jabatan Negeri. Terdapat 14 Akaun Amanah yang masih aktif, empat Akaun Amanah yang baki tidak berubah dan satu Akaun Amanah yang ditutup. Baki Akaun Amanah yang ditutup iaitu Akaun Amanah Program Khidmat Negara berjumlah RM0.02 juta telah dimasukkan sebagai hasil Kerajaan Negeri. Empat Akaun Amanah yang baki tidak berubah adalah Akaun Amanah Projek Pembangunan Tebing Sungai Kelantan, Akaun Amanah Pembangunan Jabatan Pengairan Dan Saliran, Akaun Amanah Program Program Pusat Keluarga Islam Dan Pusat Pembangunan Sosial dan Akaun Amanah Bagi Dana Khas Kerajaan Persekutuan Tahun 2007.

4.6.2.2. Baki bagi 18 Akaun Amanah pada 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM577.59 juta. Amaun tersebut meningkat 20% berbanding baki pada 31 Disember 2012 yang berjumlah RM481.43 juta. Peningkatan ini disebabkan antara lainnya, peningkatan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri, Akaun Amanah Kumpulan Wang Pemulihan Bersama dan Akaun Amanah Pembinaan Lebuhraya Rakyat Kota Baharu - Kuala Krai. Kesemua Akaun Amanah berkenaan telah dikemukakan untuk pengauditan sebelum 31 Mac 2014. Baki akhir tujuh Akaun Amanah yang masih aktif mengalami peningkatan berjumlah RM99.16 juta manakala tujuh lagi baki Akaun Amanah yang masih aktif mengalami penurunan berjumlah RM2.98 juta adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20

Peningkatan/Penurunan Baki Akhir Tahun 2013 Akaun Amanah Yang Masih Aktif

Bil.	Akaun Amanah	Peningkatan (RM Juta)	Bil.	Akaun Amanah	Penurunan (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Kumpulan Wang Pemulihan Bersama	2.83	1.	Akaun Amanah Membaiki Istana Negeri Kubang Kerian	0.16
2.	Akaun Amanah Cakna Palestin	0.05	2.	Akaun Amanah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	0.08
3.	Akaun Amanah Pembinaan Lebuhraya Rakyat Kota Bharu – Kuala Krai	2.18	3.	Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	0.24
4.	Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri	94.08	4.	Akaun Amanah Pengurusan SPEKS	0.01
5.	Akaun Amanah Bagi Tujuan Menyimpan Wang Hasil Jualan Sementara Ternakan	0.02	5.	Akaun Amanah Projek Penubuhan Kilang Pemprosesan Kenaf Dan Projek Pengeluaran Dan Pemprosesan Ubi Keledek	0.01
6.	Akaun Amanah Projek Pembinaan Masjid Sultan Muhammad V	0.001	6.	Tabung Serambi Mekah	2.47
7.	Akaun Amanah Pembinaan Padang Golf	0.001	7.	Akaun Amanah Bahagian Sokongan Keluarga	0.01
Jumlah		99.16	Jumlah		2.98

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.6.2.3. Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri

- a. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan Tahun 1957. Sumber kewangan akaun amanah ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Akaun amanah ini digunakan khusus bagi membiayai program penyelenggaraan semua jalan negeri dan perbelanjaan pengurusan lain yang berkaitan. Baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM513.80 juta berbanding baki berjumlah RM419.73 juta pada akhir tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM94.07 juta atau 22.4%. Cadangan untuk meminda penubuhan Kumpulan Wang ini di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 telah diluluskan semasa sidang Dewan Undangan Negeri pada 7-10 Oktober 2013 bagaimanapun ianya berkuatkuasa pada tahun 2014. Adalah didapati peratus penggunaan wang pemberian Kerajaan Persekutuan ini adalah terlalu rendah iaitu tidak melebihi 50%. Peratus penggunaan iaitu perbelanjaan berbanding terimaan serta baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21

**Kedudukan Baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri
Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2009	172.62	85.73	31.22	227.13	36.4
2010	227.13	86.99	34.81	279.31	40.0
2011	279.31	100.96	36.40	343.87	36.1
2012	343.87	132.78	56.92	419.73	42.9
2013	419.73	178.59	84.52	513.80	47.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

- b. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang diterima pada tahun 2013 meningkat sejumlah RM45.81 juta selari dengan peningkatan panjang jalan negeri yang didaftarkan pada tahun 2013 iaitu 18,486.57 km berbanding 18,055 km pada tahun 2012. Walaupun perbelanjaan meningkat sejumlah RM27.60 juta pada tahun 2013 berbanding 2012, akaun amanah masih menunjukkan baki yang tinggi pada setiap tahun.

4.6.2.4. Tabung Serambi Mekah

Akaun ini ditubuhkan pada tahun 1991 dengan tujuan untuk membolehkan Kerajaan Negeri memberi bantuan dan pertolongan kepada golongan fakir miskin, mangsa malapetaka dan bencana alam serta melaksanakan projek pembangunan Islam dan sosio ekonomi untuk kesejahteraan ummah. Tabung ini memperakaunkan semua terimaan wang daripada hadiah, sumbangan, sedekah dan lain-lain pemberian orang ramai, organisasi, badan-badan persatuan, yayasan, firma dan koperasi selain daripada punca

perjudian. Baki Akaun ini pada tahun 2013 berjumlah RM4.29 juta berbanding RM6.76 juta pada tahun 2012 menurun sejumlah RM2.47 juta atau 36.5%.

4.6.2.5. Akaun Amanah Kumpulan Wang Pemulihan Bersama

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada tahun 2012 di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957. Penubuhan akaun ini adalah bertujuan bagi pemulihan tanah lombong yang menjadi subjek kepada pajakan melombong pengendalian skala kecil. Wang dalam akaun amanah ini hendaklah digunakan bagi penyediaan pelan pemulihan tanah selain daripada tanah bermilik yang terjejas oleh perlombongan sebelum Enakmen Mineral 2001 berkuatkuasa serta pelan pemulihan tanah kerajaan/tanah rizab dan tanah bermilik (lesen tuan punya) yang terjejas selepas enakmen ini berkuatkuasa mulai 21 November 2001. Wang dalam akaun ini juga digunakan bagi pelaksanaan mana-mana pelan tersebut. Pada tahun 2013, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM2.83 juta atau 1,230.4% menjadi RM3.06 juta berbanding RM0.23 juta pada tahun 2012.

4.6.3. Akaun Deposit

4.6.3.1. Deposit adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dibayar balik setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Pada tahun 2013 baki Akaun Deposit meningkat sejumlah RM1.91 juta atau 0.5% menjadi RM355.78 juta berbanding RM353.86 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Baki Akaun Deposit Pada Tahun 2012 Dan 2013

Akaun Deposit	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Deposit Am	334.68	333.84	-0.84	-0.2
Deposit Pengambilan Balik Tanah	18.90	21.67	2.77	14.7
Deposit Perumahan Awam Kos Rendah	0.28	0.26	-0.02	-7.1
Jumlah	353.86	355.78	1.92	0.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.6.3.2. Analisis Audit mendapati baki deposit di jabatan/pejabat Negeri Kelantan meningkat pada tahun 2010 dan 2011 tetapi menurun pada tahun 2012 sebelum meningkat semula pada tahun 2013. Kedudukan Akaun Deposit bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013 seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23**Kedudukan Baki Deposit Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Akaun Deposit	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Deposit Am	277.17	313.40	374.78	334.68	333.84
Deposit Pengambilan Balik Tanah	0.76	1.10	2.12	18.90	21.67
Deposit Perumahan Awam Kos Rendah	0.53	0.47	0.46	0.28	0.26
Jumlah	278.46	314.97	377.36	353.86	355.78

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.7. PRESTASI PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

4.7.1. Mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan 2, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan untuk menunjukkan aliran masuk dan keluar tunai dan kesetaraan tunai. Aliran masuk (Penerimaan) Wang Tunai terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain. Manakala aliran keluar (Pembayaran) Wang Tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

4.7.2. Penyata penerimaan dan pembayaran wang tunai menunjukkan sumber dana Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berjumlah RM1.04 bilion terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain. Sejumlah RM1.08 bilion telah digunakan untuk pembayaran bagi perbelanjaan mengurus, pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain. Pada akhir tahun 2013, baki wang tunai telah menurun sejumlah RM43.43 juta atau 38.3% daripada RM113.43 juta pada tahun 2012 menjadi RM70.00 juta pada tahun 2013.

4.7.3. Adalah diperhatikan penyata penerimaan dan pembayaran wang tunai telah mengambil kira semua catatan debit dan kredit dalam lejar amanah. Sepatutnya, penyata penerimaan dan wang tunai hanya mengambil kira aliran masuk dan keluar tunai dan kesetaraan tunai.

4.8. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.8.1. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 menunjukkan perubahan kurang memuaskan berbanding tahun 2012. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah mencatatkan peningkatan defisit berjumlah RM8.09 juta atau 11.6% dengan mencatatkan defisit sejumlah RM77.78 juta berbanding defisit sejumlah RM69.69 juta pada tahun 2012. Defisit ini adalah kerana kutipan hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM378.10 juta kurang daripada Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM455.89 juta seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24**Perbandingan Prestasi Kewangan Tahun 2012 Dan 2013**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	373.64	378.10	4.46	1.2
(-) Belanja Mengurus	443.33	455.89	12.56	2.8
(-) Belanja Pembangunan	174.01	174.78	0.77	0.4
Defisit	-243.70	- 252.56	8.86	3.6
Dibiayai Untuk:				
Pinjaman	37.15	62.64	25.49	68.6
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	50.93	50.27	-0.66	-1.3
Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah	155.62	139.65	-15.97	-10.3
Jumlah Pembiayaan	243.70	252.56	8.86	3.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.8.2. Dari segi prestasi kewangan keseluruhan juga menunjukkan penurunan di mana defisit keseluruhan bagi tahun 2013 meningkat sejumlah RM8.86 juta berbanding tahun 2012 iaitu dari defisit keseluruhan berjumlah RM243.70 juta bagi tahun 2012 kepada defisit keseluruhan berjumlah RM252.56 juta bagi tahun 2013. Defisit keseluruhan bagi tahun 2013 telah dibiayai oleh sumber Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM62.64 juta, Pemberian Pertumbuhan Hasil II berjumlah RM21.67 juta, Pemberian Tahap Pembangunan berjumlah RM28.60 juta dan perubahan tunai, pelaburan dan Amanah berjumlah RM139.65 juta.

4.9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan liabiliti Kerajaan yang boleh dilupuskan atau perlu dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

4.9.1. Pinjaman Boleh Dituntut


4.9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2013, baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM40.98 juta atau 4.9% daripada RM833.93 juta pada tahun 2012 kepada RM874.91 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pertambahan pinjaman sejumlah RM36.81 juta kepada Air Kelantan Sdn. Bhd untuk projek-projek bekalan air. Perbandingan baki pinjaman boleh dituntut bagi tahun 2013 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25**Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Agensi	Baki Hutang		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun Negeri	226.20	225.16	-1.04	-0.5
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	12.46	17.67	5.21	41.8
3.	Syarikat Kerajaan Negeri	595.27	632.08	36.81	6.2
Jumlah		833.93	874.91	40.98	4.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.9.1.2. Analisis perbandingan baki pinjaman boleh dituntut bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan baki pinjaman boleh dituntut bagi setiap tahun. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 4.5**. Baki pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.9.1.3. Pada tahun 2013, Agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM184.17 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM36.47 juta dan tunggakan berjumlah RM147.71 juta. Bagaimanapun hanya sejumlah RM3.40 juta sahaja yang dijelaskan oleh Agensi terlibat. Kedudukan ansuran pinjaman Agensi yang sepatutnya dijelaskan kepada Kerajaan Negeri berbanding dengan bayaran sebenar yang telah dibuat pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut Pada Tahun 2013**

Bil.	Agensi	Tunggakan Pada 1.1.2013 (RM Juta)	Anuiti 2013 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Tahun 2013 (RM Juta)	Jumlah Telah Dijelaskan Tahun 2013 (RM Juta)	Tunggakan Pada 31.12.2013 (RM Juta)
1.	Badan Berkanun Negeri	62.26	7.07	69.33	2.54	66.79
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	6.47	0.63	7.10	0.86	6.24
3.	Syarikat Kerajaan Negeri	78.98	28.77	107.74	0.00	107.74
Jumlah		147.71	36.47	184.17	3.40	180.77

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Nota: Angka Bandingan Tahun 2012 Dinyatakan Semula Untuk Diselaraskan Dengan Amaun Pokok Bagi Tahun 2013

4.9.1.4. Semakan Audit mendapati 29 (56.9%) daripada 51 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 34 tahun melibatkan 150 ansuran tertunggak. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2013 meningkat sejumlah RM33.06 juta (22.4%) menjadi RM180.77 juta berbanding dengan RM147.71 juta pada akhir tahun 2012. Peningkatan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman ini antaranya adalah disebabkan oleh peminjam membuat bayaran balik kurang daripada amaun anuiti tahun 2013 atau tidak membuat bayaran langsung. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.27**.

Jadual 4.27**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Tuntut Kedudukan Pada Akhir Tahun 2012 Dan 2013**

Agensi	Pinjaman			Tunggakan Bayaran Balik				Bil. Ansuran Tertunggak Sehingga Akhir Tahun 2013	Tempoh Tertunggak Sehingga Akhir Tahun 2013
	Bil.	Ada Tunggakan		31.12.2012	31.12.2013	Tambahan/ (Kurangan)			
		Bil.	(%)			(RM Juta)	(RM Juta)		
Badan Berkanun Negeri	11	9	81.8	62.26	66.79	4.53	7.3	64	1-34
Pihak Berkuasa Tempatan	16	1	6.3	6.47	6.24	-0.23	-3.6	8	23
Syarikat Kerajaan Negeri	24	19	79.2	78.98	107.74	28.77	36.4	78	1-6
Jumlah	51	29	56.9	147.71	180.77	33.06	22.4	150	1-34

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.9.2. Pelaburan

Pelaburan oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan belanja mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2013, baki pelaburan di Penyata Akaun Memorandum berjumlah RM9.34 juta berbanding RM11.55 juta pada tahun 2012 iaitu menurun sejumlah RM2.21 juta atau 19.1%. Penurunan pelaburan ini adalah disebabkan

oleh penjualan pelaburan Zelan Berhad dan Dynamic Marker Rider Nid-I pada tahun 2013. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun adalah seperti di **Jadual 4.28**. Kedudukan pada tahun 2013 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.28

Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Pelaburan	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM juta)
1.	Malaysia Airports Holdings Berhad	4.75	4.75	4.75	4.75	4.75
2.	ESSO dan Malaysia Mining Corporation	0.13	0.13	0.13	0.13	0.12
3.	Pelaburan Portfolio	49.00	34.00	8.61	6.67	4.47
Jumlah		53.88	38.88	13.49	11.55	9.34

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.9.3. Hutang Awam

4.9.3.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2013, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah meningkat sejumlah RM58.54 juta atau 5.0% menjadi RM1,233.44 juta berbanding RM1,174.90 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh Kerajaan Negeri mendapat tambahan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Bekalan Air. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29


Kedudukan Hutang Awam Pada Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran Pinjaman	Baki Hutang		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	266.56	264.70	-1.86	-0.7
2.	Projek Bekalan Air	647.14	709.78	62.64	9.7
3.	Projek Membaikpulih Loji Rawatan Pembentungan	30.00	30.00	0.00	0.0
4.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	63.52	62.64	-0.88	-1.4
5.	Pelbagai Projek Lain	167.68	166.31	-1.37	-0.8
Jumlah		1,174.90	1,233.44	58.54	5.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.9.3.2. Analisis perbandingan baki hutang awam bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan baki hutang awam bagi setiap tahun. Kedudukan baki hutang awam bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 4.6**.

Carta 4.6
Kedudukan Hutang Awam Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.9.3.3. Selain itu, Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2013 berjumlah RM247.16 juta iaitu meningkat sejumlah RM42.39 juta atau 20.7% berbanding RM204.77 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3.87 juta berbanding RM251.02 juta jumlah yang perlu dijelaskan dalam tahun semasa. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang awam tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Pada Tahun 2013

Bil.	Butiran Pinjaman	Tunggakan Pada 1.1.2013 (RM Juta)	Anuiti 2013 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Tahun 2013 (RM Juta)	Jumlah Telah Dijelaskan Tahun 2013 (RM Juta)	Tunggakan Pada 31.12.2013 (RM Juta)
1.	Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	44.88	7.92	52.80	1.86	50.94
2.	Projek Bekalan Air	116.15	30.42	146.57	0.00	146.57
3.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	5.81	1.91	7.72	0.88	6.85
4.	Pelbagai Projek Lain	37.92	6.01	43.93	1.14	42.80
Jumlah		204.77	46.26	251.02	3.87	247.16

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Nota: Angka Bandingan Tahun 2012 Dinyatakan Semula Untuk Diselaraskan Dengan Amaun Pokok Bagi Tahun 2013

4.10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

4.10.1. Akaun Belum Terima

4.10.1.1. Peraturan mengenai tunggakan hasil dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Bendahari Negeri dengan salinannya kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008 juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bagi Penutupan Akaun Negeri Kelantan Tahun 2013 telah menghendaki Penyata Tunggakan Hasil 2013 dikemukakan kepada Bendahari Negeri dengan salinannya kepada Pengarah Audit Negeri sebelum atau pada 6 Januari 2014. Tunggakan hasil Negeri Kelantan telah meningkat sejumlah RM6.93 juta atau 7.9% kepada RM94.60 juta pada tahun 2013 berbanding RM87.67 juta pada tahun 2012. Kedudukan tunggakan hasil pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31

Kedudukan Tunggakan Hasil Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Denda Cukai Tanah	41.41	51.02	9.61	23.2
2.	Cukai Tanah Berulang	25.55	22.16	-3.39	-13.3
3.	Bayaran Sumbangan (Tribute) Konsesi Hutan Yang Belum Dipungut Oleh PKINK	12.56	14.02	1.46	11.6
4.	Sewa Rumah Awam Kos Rendah	5.98	5.22	-0.76	-12.7
5.	Lain-lain	2.17	2.18	0.01	0.5
Jumlah		87.67	94.60	6.93	7.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

4.10.1.2. Analisis perbandingan tunggakan hasil bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan tunggakan hasil pada setiap tahun kecuali pada tahun 2011. Kedudukan tunggakan hasil bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.32**. Tunggakan pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.32**Kedudukan Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Butiran Hasil	Baki Pada Akhir Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Denda Cukai Tanah	33.58	32.76	37.73	41.41	51.02
Cukai Tanah Berulang	26.24	26.88	19.65	25.55	22.16
Bayaran Sumbangan (Tribute) Konsesi Hutan Yang Belum Dipungut Oleh PKINK	11.55	12.59	12.75	12.56	14.02
Sewa Rumah Awam Kos Rendah	10.41	8.68	7.30	5.98	5.22
Lain-lain	2.93	4.03	2.49	2.17	2.18
Jumlah	84.71	84.94	79.93	87.67	94.60

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan


4.11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.11.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah kurang memuaskan. Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mencatatkan baki Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM80.71 juta menurun sejumlah RM46.88 juta berbanding RM127.59 juta pada tahun 2012. Akaun Hasil Disatukan juga mencatatkan penurunan di mana prestasi kewangan tahun 2013 telah mencatatkan defisit berjumlah RM77.78 juta berbanding defisit berjumlah RM69.69 juta bagi tahun 2012. Ini telah mengakibatkan penurunan baki Akaun Hasil Disatukan yang ketara iaitu daripada defisit RM438.11 pada tahun 2009 menjadi defisit RM585.90 juta pada tahun 2013. Akaun Amanah Disatukan meningkat sejumlah RM5.08 juta manakala Akaun Pinjaman Disatukan meningkat sejumlah RM25.83 juta. Akaun Amanah Disatukan telah menampung sebahagian besar defisit dalam Akaun Hasil Disatukan. Pelaburan Kerajaan Negeri juga telah berkurang pada tahun 2013 menjadi RM20.05 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut merekodkan peningkatan berbanding tahun 2012 iaitu daripada RM147.71 juta kepada RM180.77 juta pada tahun 2013. Tunggakan bayaran balik hutang awam juga meningkat kepada RM247.16 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 berjumlah RM204.77 juta.

4.11.2. Pihak Audit mengesyorkan Kerajaan Negeri merancang dan mengurus keperluan tunainya dengan lebih cekap supaya dapat memenuhi tuntutan perbelanjaan mengurus dan pembangunannya. Kerajaan Negeri juga hendaklah berbelanja secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi Negeri. Selain itu, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pinjaman boleh dituntut dibayar mengikut jadual dan tunggakan bayaran balik dikutip sepenuhnya. Seterusnya hutang kepada Kerajaan Persekutuan hendaklah dibayar mengikut jadual termasuk tunggakan bayaran balik.

BAHAGIAN III

Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

5.1. Rancangan projek pembangunan Negeri Kelantan digubal bagi menjelaskan strategi, program/projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Kelantan. Bagi menjayakan rancangan tersebut siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.35 bilion bagi tempoh 2011 hingga 2015 (RMK10). Peruntukan ini telah diagihkan kepada sembilan Jabatan dan sehingga 31 Disember 2013, sejumlah RM493.45 juta atau 36.5% daripada peruntukan RMK10 telah dibelanjakan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan bagi RMK10 sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1

Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK10 Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan Yang Diluluskan 2011-2015 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2013 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	792.20	142.17	17.9
2.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	190.50	126.60	66.4
3.	Pejabat Pembangunan Negeri	176.10	138.73	78.8
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri	84.00	47.56	56.6
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	45.35	21.77	48.0
6.	Perbelanjaan Mengejut	25.00	0.00	0
7.	Jabatan Pertanian Negeri	16.00	7.11	44.4
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	14.00	5.24	37.4
9.	Jabatan Perhutanan Negeri	5.50	2.76	50.2
10.	Jabatan Perikanan Negeri	2.52	1.51	59.9
Jumlah		1,351.17	493.45	36.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

5.2. Pada tahun 2013, sejumlah RM174.78 juta atau 66.2% daripada peruntukan pembangunan yang diluluskan telah dibelanjakan oleh sembilan Jabatan. Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-10 bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 5.2**. Adalah didapati Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan telah berbelanja kurang daripada 80% berbanding peruntukan diterima pada tahun 2013.

Jadual 5.2**Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10 Tahun 2013**

Bil.	Jabatan/ Agensi Pelaksana/ Lain-lain	Bil. Projek	Peruntukan 2013 (RM Juta)	Perbelanjaan 2013 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	12	101.75	40.81	40.1
2.	Pejabat MB Dan SUK	589	80.39	61.65	76.7
3.	Pejabat Pembangunan Negeri	2,060	42.20	35.74	84.7
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri	18	20.00	19.54	97.7
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	332	10.77	10.66	99.0
6.	Jabatan Pertanian Negeri	176	2.51	2.51	100.0
7.	Perbelanjaan Mengejut	-	2.50	0.00	0
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	14	2.37	2.33	98.3
9.	Jabatan Perhutanan Negeri	12	1.01	0.98	97.0
10.	Jabatan Perikanan Negeri	15	0.55	0.54	98.2
Jumlah		3,228	264.06	174.78	66.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan


5.3. Pada tahun 2013, sejumlah 3,203 projek berjaya disiapkan sebagaimana dirancang, projek-projek tersebut telah dilaksanakan oleh sembilan jabatan/pejabat di Negeri Kelantan. Lima jabatan/pejabat iaitu Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri dan Jabatan Perikanan Negeri Kelantan berjaya menyiapkan kesemua projek yang dirancang pada tahun 2013. Terdapat 20 projek sedang dalam pelaksanaan oleh empat jabatan/pejabat iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kerja Raya Negeri dan Pejabat Perbendaharaan Negeri. Daripada keseluruhan 3,228 projek, lima projek belum dimulakan iaitu yang dirancang oleh Jabatan Kerja Raya Negeri dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan. Projek-projek tersebut adalah pembinaan jambatan Pangkal Kalong, jambatan Pulau Melaka, naiktaraf Jalan Pasir Hor, kerja-kerja berkaitan rekabentuk terperinci struktur groin dan pembinaan struktur groin serta kerja-kerja berkaitan di Pantai Kemayan, Bachok. **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1** menunjukkan jumlah projek pembangunan di Negeri Kelantan bagi tahun 2013 dan status pelaksanaan projek-projek berkenaan.

Jadual 5.3**Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Pada Tahun 2013 Mengikut Jabatan**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Siap Sebenar	Sedang Dilaksanakan	Belum Mula	Jumlah
1.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	5	7	0	12
2.	Pejabat MB Dan SUK	585	4	0	589
3.	Pejabat Pembangunan Negeri	2,060	0	0	2,060
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri	7	8	3	18
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	329	1	2	332
6.	Jabatan Pertanian Negeri	176	0	0	176
7.	Perbelanjaan Mengejut	-	-	-	-
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	14	0	0	14
9.	Jabatan Perhutanan Negeri	12	0	0	12
10.	Jabatan Perikanan Negeri	15	0	0	15
Jumlah		3,203	20	5	3,228

Sumber: Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

Carta 5.1
Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2013




Sumber: Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

5.4. RUMUSAN

Prestasi Pelaksanaan Projek di bawah RMKe-10 bagi tahun 2013 oleh Kerajaan Negeri adalah memuaskan di mana pelaksanaan projek pembangunan bagi tahun 2013 telah mencapai 99.2% siap daripada jumlah projek yang dirancang manakala jumlah perbelanjaan adalah 66.2% berbanding peruntukan yang diluluskan. Sejumlah 3,228 projek telah dirancang untuk tahun 2013 di mana 3,203 projek telah siap sehingga 31 Disember 2013, 20 projek sedang dalam pelaksanaan dan lima projek belum dilaksanakan.

BAHAGIAN IV

Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri



6. LATAR BELAKANG

6.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

7.1. Pada tahun 2013, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

7.1.1. Bagi menambah baik pengurusan kewangan di semua peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan 7 pekeliling/surat pekeliling pada tahun 2013 iaitu:

7.1.1.1. Pekeliling Perbendaharaan bagi penyediaan bajet tahun 2014 dan 2015 yang turut mengandungi pendekatan/strategi untuk mengurangkan defisit dalam mencapai matlamat bajet seimbang.

7.1.1.2. Pekeliling Kontrak Pusat untuk mengawal perbelanjaan bagi perolehan perabot, perkhidmatan percetakan dan perolehan komputer bagi tahun 2013/2014.

7.1.1.3. Surat Pekeliling bertujuan memaklumkan penambahbaikan dalam penyediaan format Kertas Kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan-Permohonan Peruntukan Tambahan Anggaran Bajet Negeri bagi memastikan penyeragaman dan penyediaan yang teratur.

7.1.1.4. Surat Pekeliling bertujuan memaklumkan mengenai tatacara dan peraturan yang perlu dipatuhi bagi penutupan akaun tahun kewangan 2013 supaya selaras dengan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS).

7.1.1.5. Surat Pekeliling bertujuan memaklumkan persetujuan menerima pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan (Persekutuan) Bil. 2 Tahun 2010 mengenai kaedah penempahan dan pembelian tiket serta pembayaran untuk semua perjalanan udara rasmi bagi anggota perkhidmatan awam Negeri dengan arahan tambahan supaya perbandingan harga dibuat bagi mendapatkan harga terendah dan paling menguntungkan Kerajaan.

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah serta pengurusan aset, inventori dan stor. Manakala bagi Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain daripada 6 aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan penyata kewangan. Bagi setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan taraf penarafan atau *ranking* berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperolehi seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.

8.2.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2013, pengauditan telah dijalankan di 12 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri; Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan; Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Mulai tahun 2012, Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah ditetapkan sebagai Jabatan Negeri yang wajib diaudit pada setiap tahun. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2013 di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2012 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 8 Jabatan Negeri adalah berdasarkan pencapaian pengurusan kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; dan Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor. Manakala Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 7 Agensi Negeri pula selain dinilai melalui 6 kawalan utama di atas, telah dilaksanakan tambahan 3 lagi kawalan utama iaitu Pengurusan Pelaburan; Pengurusan Pinjaman; dan Pengurusan Penyata Kewangan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

8.4.1.1. Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

a. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- ii. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

b. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii. Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

c. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

i. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa dilantik, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

iii. Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Menteri Besar/Ketua Menteri/Ketua Jabatan hendaklah melantik Ahli Jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, bermesyuarat setiap 4 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan, menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

d. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

8.4.2.1. Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

a. Penyediaan Bajet

Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran yang disediakan, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 2004 menetapkan bajet hendaklah dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri tidak lewat 31 Mei setiap tahun.

b. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

c. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1992 menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan/Bendahari Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Perenggan 8, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 1990 menetapkan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemas kini dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri/Ketua Eksekutif/Ahli Mesyuarat Majlis/Lembaga Pengarah Agensi berkenaan terlebih dahulu.

d. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan bagi perbelanjaan mengurus, Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan laporan berkala kepada pihak berkuasa berkenaan.

e. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai

Kewangan Negeri/Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

8.4.3.1. Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah diurus mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

a. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan. Borang ini hendaklah direkod dengan teratur dalam Daftar Kawalan, disimpan di tempat yang selamat dan disemak secara berkala serta disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

b. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan dan penyimpanan di pejabat, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

c. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

d. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap

penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

e. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

8.4.4.1. Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

a. Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1992 dan AP 95 serta yang berkaitan.

b. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

c. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukat serta panjar wang runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

8.4.5.1. Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan seperti berikut:

a. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara Pengurusan Akaun Amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

b. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman dan Pendahuluan Diri/Pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- i. Pinjaman Kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii. Pinjaman Komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- iii. Pendahuluan Diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- iv. Pendahuluan Pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

c. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara Dan Pengurusan Akaun Deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor

8.4.6.1. Aset dan inventori yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan dalam

Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara berikut:

a. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

b. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperolehi. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

c. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

d. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset

hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.

- ii. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- iii. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- vi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

e. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset diselenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diseliasa dan

dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.

- ii. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggara secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

f. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemas kini.

g. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.

- ii. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperolehi. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Laporan Awal dihantar.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyata Kewangan


Keperluan penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit adalah mengikut Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 tahun 2009 dan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 1 Tahun 2009. Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 1 Tahun 2009 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini membolehkan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 adalah baik. Pada tahun 2013, daripada 16 Jabatan/Agensi yang diaudit, sebanyak 8 Jabatan/Agensi Negeri mendapat tahap penarafan sangat baik dan 8 Jabatan/Agensi mendapat penarafan pada tahap baik. Tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mengikut Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2013 adalah seperti di **Carta 8.1**. Manakala kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh 2007 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Carta 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 8.2

Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2013


Tahap Penarafan	Jabatan/Agensi Negeri						
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Sangat Baik	-	-	2	4	10	6	8
Baik	-	4	12	15	10	12	8
Memuaskan	7	7	-	-	1	-	-
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	7	11	14	19	21	18	16

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.5.2.1. Jabatan

- a. Semakan Audit di 8 Jabatan mendapati 4 Jabatan mencatatkan tahap sangat baik dan 4 Jabatan mencapai tahap baik dalam Kawalan Pengurusan. Tujuh Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan satu Jabatan pada tahap baik dalam Kawalan Bajet. Bagi Kawalan Terimaan pula 5 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan 3 Jabatan pada tahap baik. Enam Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan 2 Jabatan pada tahap baik dalam Kawalan Perbelanjaan. Selain itu, bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit pula 4 Jabatan berada pada tahap sangat baik, 2 Jabatan pada tahap baik dan satu Jabatan pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, bagi Pengurusan Aset Dan Stor, daripada 8 Jabatan hanya satu berada pada tahap sangat baik, masing-masing 3 pada tahap baik dan memuaskan serta satu Jabatan pada tahap tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 8.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: 1 Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Pengurusan Amanah Dan Deposit

- b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui bagi Jabatan Negeri yang mendapat penarafan tidak memuaskan dalam pengurusan aset dan stor adalah seperti berikut:
- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) tidak dipatuhi sepenuhnya.
 - ii. Peraturan Penerimaan Barang-barang tidak dipatuhi sepenuhnya.
 - iii. Urusan Pendaftaran Aset tidak dipatuhi sepenuhnya.
 - iv. Kerosakan Aset (kecuali kenderaan) tidak dilaporkan dengan menggunakan Borang Aduan Kerosakan (KEW-PA 9). Pengeluaran barang-barang stor tidak teratur dan Daftar pergerakan aset (KEW.-PA6) tidak diwujudkan.
 - v. Pegawai pemeriksa aset tidak dilantik secara bertulis dan Pemeriksaan Aset tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun.
 - vi. Kad Inden Minyak disimpan oleh pemandu, Buku Rekod Kad Inden tidak diselenggara dengan lengkap dan kemaskini, Penyata Pembelian minyak tidak disemak dengan salinan resit dan tidak disahkan sebelum bayaran dibuat.
 - vii. Senarai Aset yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA-13) tidak disenaraikan, Program Penyenggaraan tidak disediakan dan dilaksanakan.

8.5.2.2. Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri

- a. Analisis terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan mendapati Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 6 Agensi Negeri mencapai tahap sangat baik dalam Kawalan Terimaan dan Pengurusan Pelaburan. Bagi Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Amanah Dan Deposit, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 5 Agensi negeri mencapai tahap sangat baik dan 2 Agensi Negeri pada tahap baik. Bagi Kawalan Bajet pula 6 Agensi Negeri mencapai tahap sangat baik serta Pejabat Perbendaharaan Negeri dan satu Agensi negeri pada tahap baik. Sementara bagi Pengesahan Penyata Kewangan pula Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi Negeri mencapai tahap sangat baik dan 3 Agensi negeri mencapai tahap baik. Tahap sangat baik juga dicapai oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 3 Agensi negeri dalam Kawalan Pengurusan dan Pengurusan Aset Dan Stor. Selain itu, bagi Pengurusan Pinjaman, satu Agensi Negeri mencapai tahap sangat baik manakala Pejabat Perbendaharaan Negeri dan satu Agensi Negeri pada tahap baik. Maklumat lanjut seperti di **Carta 8.3**.

Carta 8.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan
Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Lima Agensi Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Pengurusan Pinjaman dan Satu Agensi Tidak Berkaitan Dalam Kawalan Pengurusan Pelaburan


- b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui bagi Agensi Negeri yang mendapat penarafan pada tahap memuaskan sahaja dalam pengurusan aset dan stor adalah seperti berikut:
 - i. Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak dipatuhi sepenuhnya.
 - ii. Urusan pendaftaran aset tidak dipatuhi sepenuhnya.
 - iii. Pemeriksaan aset/verifikasi stok tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.
 - iv. Peraturan penggunaan kenderaan agensi tidak dipatuhi sepenuhnya.
 - v. Penyata pembelian kad inden minyak tidak disemak.
 - vi. Peraturan penyenggaraan tidak dipatuhi sepenuhnya.
 - vii. Peraturan pelupusan aset tidak dipatuhi sepenuhnya.

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

8.5.3.1. Analisis Audit terhadap Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan pada setiap tahun bagi tempoh 2007 hingga 2013, menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang mula diaudit pada tahun 2010 memperoleh tahap prestasi sangat baik bagi 2 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2012 hingga 2013. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan meningkat setiap tahun dan mencapai prestasi sangat baik sejak tahun


2009. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan mengekalkan prestasi pengurusan kewangan pada tahap sangat baik sejak tahun 2009. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri pula mencapai tahap sangat baik untuk 3 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2013, 2012 dan 2011 seperti di **Carta 8.4**.

8.5.3.2. Analisis perbandingan terhadap 12 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan pusingan kali kedua bagi tahun 2010/2011 dan 2013 menunjukkan 2 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat dan Majlis Daerah Pasir Mas mencapai tahap sangat baik pada tahun 2013 berbanding tahap baik pada tahun 2010. Majlis Daerah Gua Musang mengekalkan prestasi sangat baik pada tahun 2013 berbanding pengauditan tahun 2010. Selain itu, analisis perbandingan turut menunjukkan 3 Jabatan Negeri mengekalkan tahap prestasi pengurusan kewangan yang baik dengan peningkatan markah iaitu Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, Pejabat Tanah Dan Galian dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Perbadanan Stadium Negeri Kelantan kekal pada tahap baik dengan markah yang sama berbanding pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun analisis menunjukkan 5 Jabatan/Agensi Negeri mengalami pengurangan markah tetapi masih mengekalkan tahap prestasi pengurusan kewangan yang baik iaitu Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas, Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli, Majlis Daerah Tumpat, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan seperti di **Carta 8.5**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 8.5
Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan 12 Jabatan/Agensi Negeri
Tahun 2013 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Mengejut di 16 Jabatan/Pejabat. Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut yang telah dijalankan mendapati:

8.6.1. Lima Jabatan/Pejabat iaitu Pejabat Agama Jajahan Kuala Krai, Pejabat Cawangan Penguatkuasa Veterinar Negeri Kelantan, Pejabat Pertanian Jajahan Jeli, Pejabat Pertanian Jajahan Bachok dan Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Tumpat didapati telah mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.

8.6.2. Bagi sebelas Jabatan/Pejabat lain, wujud beberapa kelemahan/ketidakpatuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan seperti di **Jadual 8.3**. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Jadual 8.3
Penemuan Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2013

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi	Penemuan Audit
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Bachok	i. Terdapat kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Kutipan yang tidak sempat dibankkan tidak disimpan dalam peti besi. iii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. iv. Baki fizikal Panjar Wang Runcit tidak bersamaan dengan baki pada Buku Tunai. v. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil. vi. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Jajahan Tumpat	i. Terdapat kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Jajahan Kuala Krai	i. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.
4.	Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Kota Bharu	i. Terdapat wang kutipan yang tidak dibankkan dengan segera. ii. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan. iii. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.
5.	Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Gua Musang	i. Terdapat wang kutipan yang tidak dibankkan dengan segera. ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. iii. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. iv. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar.
6.	Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah	i. Terdapat kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Kutipan yang tidak sempat dibankkan tidak disimpan dalam peti besi iii. Terdapat tuntutan wang rekupmen yang belum diterima. iv. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. v. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.
7.	Pejabat Agama Jajahan Pasir Puteh	i. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit.
8.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan Jeli	i. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil.

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi	Penemuan Audit
9.	Pejabat Hutan Jajahan Kelantan Selatan	i. Kutipan yang tidak sempat dibankkan tidak disimpan dalam Peti Besi. ii. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil. iii. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang rasmi yang berharga dengan selamat.
10.	Pusat Ternakan Haiwan Pantai Timur Tanah Merah Kelantan	i. Kad akses sistem komputer tidak berada pada pegawai yang diberi kuasa. ii. Daftar barang-barang berharga tidak diselenggarakan.
11.	Pusat Ternakan Bebiri Jeram Pasu Kelantan	i. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

9. SYOR AUDIT

Sungguhpun sebahagian besar prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

9.2. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan patut mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

9.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.


9.4. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

9.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

9.6. Sentiasa peka terhadap pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membantu melicinkan lagi proses pengurusan kewangan di jabatan/agensi. Lembaga pengurusan agensi juga perlu segera memberi kebenaran kepada pihak pengurusan untuk mengguna pakai pekeliling atau arahan baru yang dikeluarkan tersebut.

BAHAGIAN V

Penyerahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

10. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kumpulan Wang. Pengauditan ini adalah untuk mengesahkan dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

10.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

10.1.1. Mengikut Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri untuk memastikan segala akaun dan rekod kewangan diselenggarakan dengan betul dan tepat. Pada tahun 2013, sejumlah 22 Penyata Kewangan terdiri daripada 9 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri (BBN), satu Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 12 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah diaudit sendiri oleh Jabatan Audit Negara, manakala 21 lagi telah diaudit oleh 7 firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

10.1.2. Pengauditan yang dijalankan oleh firma audit swasta dipantau oleh Jabatan Audit Negara bagi memastikan pengauditan diselesaikan mengikut tempoh dan piawaian yang ditetapkan. Tempoh masa untuk menyiapkan pengauditan adalah mengikut saiz Agensi. Bagi akaun besar, tempoh yang diberikan adalah 3 bulan, akaun sederhana 2 bulan dan akaun kecil sebulan. Sekiranya pengauditan tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan, firma audit swasta dikehendaki memohon perlanjutan tempoh pengauditan secara bertulis kepada Ketua Audit Negara dengan mengemukakan sebab kelewatan. Sekiranya firma audit swasta gagal mematuhi syarat dalam kontrak atau arahan Jabatan Audit Negara, surat amaran akan dikemukakan dan tindakan boleh diambil untuk menamatkan kontrak firma audit swasta tersebut. Secara keseluruhannya, khidmat yang diberikan oleh firma audit swasta adalah memuaskan.

10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2009 pada 20 April 2009 bersetuju supaya tarikh penyerahan penyata kewangan bagi Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dikemukakan sebelum/pada 30 April setiap tahun. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2009,

mengarahkan semua Agensi Kerajaan Negeri mengemukakan Penyata Kewangan sebelum 30 April setiap tahun selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa. Penyerahan Penyata Kewangan oleh BBN dan PBT serta Majlis Agama Islam bagi Negeri Kelantan untuk diaudit adalah baik. Setakat 30 Jun 2014, 6 daripada 9 BBN, Majlis Agama Islam dan kesemua PBT telah mengemukakan Penyata Kewangan tahun berakhir 31 Disember 2013 untuk diaudit sebelum atau pada 30 April 2014. Kedudukan penyerahan Penyata Kewangan BBN, Majlis Agama Islam dan PBT adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri,
Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 30 Jun 2014**

Bil.	Agensi	Tarikh Terima Penyata Kewangan Tahun 2013
Badan Berkanun Negeri		
1.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	04.03.2014
2.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	08.04.2014
3.	Yayasan Islam Kelantan	24.04.2014
4.	Perbadanan Stadium Kelantan	28.04.2014
5.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	30.04.2014
6.	Yayasan Kelantan Darulnaim	30.04.2014
7.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	18.05.2014
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	19.06.2014
9.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	Belum Diterima
Majlis Agama Islam		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	30.04.2014
Pihak Berkuasa Tempatan		
1.	Majlis Daerah Pasir Mas	31.03.2014
2.	Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI	06.04.2014
3.	Majlis Daerah Machang	09.04.2014
4.	Majlis Daerah Pasir Puteh	09.04.2014
5.	Majlis Daerah Ketereh	23.04.2014
6.	Majlis Daerah Bachok	27.04.2014
7.	Majlis Daerah Tumpat	28.04.2014
8.	Majlis Daerah Tanah Merah	29.04.2014
9.	Majlis Daerah Dabong	29.04.2014
10.	Majlis Daerah Gua Musang	29.04.2014
11.	Majlis Daerah Kuala Krai	30.04.2014
12.	Majlis Daerah Jeli	30.04.2014

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Kesemua 22 Penyata Kewangan BBN, Majlis Agama Islam dan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit dan dikeluarkan Sijil Audit. Sebanyak 21 Penyata Kewangan tahun 2012 telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran dan satu Sijil Berteguran kepada Majlis Daerah Kuala Krai kerana pembelian aset tidak dipermodalkan dan kesilapan persembahan tunai dan baki bank.

10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa Penyata Kewangan Agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu salinan Penyata Kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Semua Penyata Kewangan Tahun 2012 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kecuali Penyata Kewangan bagi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

10.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis berhubung prestasi kewangan adalah berdasarkan kepada 8 daripada 9 BBN. Pengauditan terhadap kesemua Penyata Kewangan tersebut masih belum muktamad. Penyata Kewangan tersebut adalah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRNK), Majlis Sukan Negeri Kelantan (MSNK), Yayasan Islam Kelantan (YIK), Perbadanan Stadium Kelantan (PSK), Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (PMNK) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK).

10.5.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.1.1. Analisis prestasi kewangan BBN adalah berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2013 yang telah diterima dari 8 BBN. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi BBN adalah memuaskan berbanding tahun 2012. Pada akhir tahun 2013, lebih jumlah aset meningkat sejumlah RM202.32 juta atau 31.7%. Bagi tahun 2012 dan 2013, PPLRNK menyumbang kepada peningkatan lebih jumlah aset sejumlah RM197.81 juta atau 93.2%, YAKIN berjumlah RM9.77 juta atau 12.7%, PKINK RM5.15 juta atau 2.2% dan PSK berjumlah RM2.11 juta atau 3.1%. Lebih pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa menurun sejumlah RM11.6 juta atau 78.8% berbanding tahun 2012. Bagi tahun 2012 dan 2013, PKINK menyumbang kepada peningkatan lebih pendapatan semasa berjumlah RM3.25 juta atau 120.4%, PPLRNK berjumlah RM0.98 juta atau 86.0% dan PMNK berjumlah RM0.02 juta atau 9.5%. Selain itu, aset bersih semasa juga menurun sejumlah RM7.38 juta atau 4.0% berbanding tahun 2012. Prestasi kewangan 8 BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Perkara	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebih Jumlah Aset	639.16	841.48	202.32	31.7
2.	Aset Bersih Semasa	183.34	175.96	-7.38	-4.0
3.	Lebih Pendapatan Semasa	14.16	3.00	-11.6	-78.8

Sumber: Penyata Kewangan BBN

10.5.1.2. Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mendapati 4 BBN telah mencatatkan lebih pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM0.09 juta hingga RM9.85 juta manakala PPLRNK mencatatkan defisit sejumlah RM0.16 juta, PMNK mencatatkan defisit sejumlah RM0.19 juta, MSNK mencatatkan defisit sejumlah RM0.63 juta dan YIK mencatatkan defisit sejumlah RM11.23 juta.

10.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 mendapati 6 BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM1.07 juta hingga RM110.94 juta. PKINK mencatat aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM110.94 juta di mana aset semasa berjumlah RM214.15 juta berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM103.21 juta. Antara aset semasa yang paling tinggi dimiliki adalah jumlah terhutang oleh syarikat subsidiari berjumlah RM105.32 juta dan simpanan di bank berjumlah RM28.06 juta. Manakala YIK dan PPAK mencatatkan liabiliti semasa bersih berjumlah RM0.19 juta dan RM0.45 juta. Prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013**


Bil.	Agensi Negeri	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	33.17	27.22	5.95	214.15	103.21	110.94
2.	Yayasan Kelantan Darulnaim	42.68	32.83	9.85	55.78	19.73	36.05
3.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	0.19	0.35	-0.16	31.11	4.77	26.34
4.	Perbadanan Stadium Kelantan	1.98	1.87	0.11	1.97	0.84	1.13
5.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	2.89	3.08	-0.19	1.44	0.37	1.07
6.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	3.30	3.93	-0.63	1.07	0.00	1.07
7.	Yayasan Islam Kelantan	102.88	114.11	-11.23	19.18	19.37	-0.19
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	3.42	3.33	0.09	0.25	0.70	-0.45
Jumlah		190.51	186.72	3.79	324.95	148.99	175.96

Sumber: Penyata Kewangan BBN

10.5.2. Analisis Pendapatan

10.5.2.1. Pada akhir tahun 2013, pendapatan janaan sendiri yang diperoleh oleh 8 BBN ialah sejumlah RM87.95 juta berbanding dengan RM97.51 juta pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati 4 BBN mengalami penurunan pendapatan janaan sendiri berbanding tahun 2012 iaitu PKINK berjumlah RM23.99 juta atau 54.0% , YIK berjumlah RM6.93 juta atau 24.3%, MSNK berjumlah RM1.16 juta atau 79.5% dan PPAK berjumlah RM0.06 juta atau 17.1% manakala 4 BBN mengalami peningkatan pendapatan janaan sendiri bagi tahun 2012 dan 2013 iaitu YAKIN dengan peningkatan sejumlah RM22.29 juta atau 109.3%; PSK dengan peningkatan sejumlah RM0.15 juta atau 8.2%, PMNK dengan peningkatan sejumlah RM0.12 juta atau 29.3% dan PPLRNK dengan peningkatan sejumlah RM0.02 juta atau 11.8%.

10.5.2.2. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, 5 daripada 8 BBN juga menerima geran daripada Kerajaan serta sumbangan lain sejumlah RM102.40 juta pada tahun 2013 berbanding RM91.38 juta pada tahun 2012. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu BBN melaksanakan program serta aktiviti BBN dan juga menguruskan projek pembangunan. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima daripada Kerajaan untuk BBN bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 10.1**.



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.3. Jumlah Lebihan Pendapatan

Pada keseluruhannya, 3 BBN mencatat lebihan pendapatan pada tahun 2013 berjumlah RM15.92 juta. Bagaimanapun 5 BBN telah mengalami kurangan pendapatan (kerugian) di

mana Yayasan Islam Kelantan mengalami kurangan pendapatan paling tinggi sejumlah RM11.23 juta pada tahun 2013 dengan penurunan sejumlah RM12.98 juta atau 741.7% berbanding lebih pendapatan berjumlah RM1.75 juta pada tahun 2012. Jumlah lebih dan kurangan pendapatan BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4

Jumlah Lebihan Pendapatan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	2.70	5.95	3.25	120.4
2.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	-1.14	-0.16	0.98	-86.0
3.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	-0.21	-0.19	0.02	-9.5
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	-0.01	-0.09	-0.08	800.0
5.	Yayasan Kelantan Darulnaim	10.30	9.86	-0.44	-4.3
6.	Perbadanan Stadium Kelantan	0.65	0.11	-0.54	-83.1
7.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	0.09	-0.63	-0.72	-800.0
8.	Yayasan Islam Kelantan	1.75	-11.23	-12.98	-741.7
Jumlah		14.13	3.62	-10.51	-74.4

Sumber: Penyata Kewangan BBN


10.5.4. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2013, 8 BBN mempunyai aset berjumlah RM1,246.60 juta berbanding RM1,032.74 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM213.86 juta atau 20.7 %. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2013 ialah RM324.95 juta berbanding RM319.95 juta pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset bersih semasa telah menurun daripada RM183.33 juta pada tahun 2012 kepada RM175.95 juta pada tahun 2013 iaitu penurunan sejumlah RM7.38 juta atau 4%. Peningkatan aset bersih semasa yang ketara berlaku di YAKIN iaitu peningkatan sejumlah RM9.84 juta atau 37.5% kerana peningkatan penghutang pada tahun 2013. Bagi penurunan dalam aset bersih semasa, YIK memperoleh penurunan tertinggi sejumlah RM11.96 juta atau 101.7%.

10.5.5. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2013, jumlah pelaburan bagi 4 BBN iaitu PKINK, YAKIN, PSK dan YIK ialah RM283.03 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, pelaburan saham dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sebanyak RM9.78 juta atau 3.6% berbanding RM273.25 juta pada tahun 2012. Jenis pelaburan BBN bagi tahun 2013 adalah seperti di **Carta 10.2**.

Carta 10.2
Jenis Pelaburan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013



Sumber: Penyata Kewangan BBN

10.5.6. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2013, jumlah liabiliti bagi 8 BBN ialah RM400.83 juta berbanding RM388.81 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM12.02 juta atau 3.1%. Dua daripada 8 BBN mengalami penurunan jumlah liabiliti dan 6 BBN mempunyai peningkatan liabiliti. Peningkatan liabiliti PKINK sejumlah RM6.42 juta atau 1.9%, YIK sejumlah RM4.79 juta atau 32.8%, YAKIN sejumlah RM2.62 juta atau 15.3%, PMNK sejumlah RM0.10 juta atau 37.0% dan PSK sejumlah RM0.06 juta atau 2.5% berbanding tahun sebelumnya adalah disebabkan peningkatan pemiutang, deposit/ wang cagaran, peruntukan cukai dan lain-lain. Manakala penurunan liabiliti adalah bagi PPAK sejumlah RM0.01 juta atau 1.4% dan PPLRNK sejumlah RM1.96 juta atau 29.1%. Manakala liabiliti MSNK adalah tidak berubah iaitu RM2,310. Jumlah liabiliti BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Jumlah Liabiliti Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	0.27	0.37	0.10	37.0
2.	Yayasan Islam Kelantan	14.59	19.38	4.79	32.8
3.	Yayasan Kelantan Darulnaim	17.11	19.73	2.62	15.3
4.	Perbadanan Stadium Kelantan	2.43	2.49	0.06	2.5
5.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	346.97	353.39	6.42	1.9
6.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	0.00	0.00	0.00	0.0
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	0.71	0.70	-0.01	-1.4
8.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	6.73	4.77	-1.96	-29.1
Jumlah		388.81	400.83	12.02	3.1

Sumber: Penyata Kewangan BBN

10.5.7. Analisis Nisbah

Nisbah hutang mengukur peratus dana dibiayai daripada sumber selain ekuiti. Analisis nisbah hutang menunjukkan satu daripada 7 BBN iaitu PKINK menggunakan lebih daripada 50% jumlah asetnya dibiayai oleh jumlah hutang. Dua BBN menunjukkan nisbah kecairan kurang daripada 2 iaitu menggambarkan BBN berkenaan tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan BBN bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6

Analisis Kecairan Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013

Bil.	Agensi Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	2.07	1.89	110.94	28.06	59.9
2.	Yayasan Kelantan Darulnaim	2.83	2.83	36.05	29.54	19.4
3.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	6.52	6.52	26.34	22.06	1.1
4.	Perbadanan Stadium Kelantan	2.35	2.35	1.13	2.15	3.4
5.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	3.88	3.29	1.07	1.22	5.7
6.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	465.33	465.33	1.07	1.07	0.1
7.	Yayasan Islam Kelantan	0.99	0.98	-0.19	0.65	44.0
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	0.36	0.36	-0.45	0.21	12.6

Sumber: Penyata Kewangan BBN

10.5.8. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

10.5.8.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2013, PKINK melabur sejumlah RM258.92 juta dalam 17 syarikat, YAKIN melabur sejumlah RM2.79 juta dalam 11 syarikat dan PMBK melabur sejumlah RM75.70 juta dalam 8 syarikat manakala pelaburan PPLRNK dalam 4 syarikat berjumlah RM0.40 juta setelah dirosotnilai pada tahun 2013 kerana nilai aset setara bersih yang negatif. Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu, PKINK melabur paling tinggi dengan jumlah pelaburan sejumlah RM8.40 juta. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh BBN adalah seperti di **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7

Analisis Pelaburan Pada Kos Dalam Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu

Perkara	Badan Berkanun				Jumlah
	PKINK	YAKIN	PMBK	PPLRNK	
Anak Syarikat (100%)	9	2	8	5	25
Anak Syarikat (>50%)	3	1	0	0	4
Syarikat Bersekutu (<50%)	5	8	0	0	13
Jumlah Syarikat	17	11	8	5	42
Pelaburan (RM Juta)	258.92	2.79	75.70	0.40	337.81

Sumber: Penyata Kewangan BBN

10.5.8.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 4 BBN telah melabur dalam 29 anak syarikat iaitu 26 anak syarikat berstatus aktif dan 3 berstatus dormant. Daripada 4 BBN, PKINK mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 13 anak syarikat. Daripada 13 anak syarikat PKINK, hanya satu syarikat berstatus dormant. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dormant adalah seperti di **Jadual 10.8**.

Jadual 10.8

Bilangan Anak Syarikat Yang Aktif Dan Dormant Bagi Tahun 2013

Bil.	BBN	Bilangan Anak Syarikat (Ekuiti lebih daripada 50%)		
		Status Aktif	Status Dormant	Jumlah Syarikat
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	12	1	13
2.	Yayasan Kelantan Darulnaim	3	0	3
3.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat	3	2	5
4.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	8	0	8
Jumlah		26	3	29

Sumber: Penyata Kewangan BBN

10.5.8.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2013, sebanyak 12 anak syarikat yang aktif di bawah 4 BBN mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM86.21 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 17 anak syarikat BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM29.15 juta. Antara anak syarikat yang mempunyai keuntungan terkumpul tertinggi ialah anak syarikat kepada PKINK iaitu Kelkon Sdn. Bhd. sejumlah RM17.42 juta dan Binaraya PKINK Sdn. Bhd. sejumlah RM17.18 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.9**.

Jadual 10.9

Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2013

Bil.	BBN	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan/ Kerugian Bersih (RM Juta)
		Bil. Anak Syarikat	Jumlah (RM Juta)	Bil. Anak Syarikat	Jumlah (RM Juta)	
1.	PKINK	8	63.15	5	16.95	46.20
2.	YAKIN	1	10.33	2	1.21	9.12
3.	PMBK	3	12.73	5	9.30	3.43
4.	PPLRNK	0	0	5	1.69	-1.69
Jumlah		12	86.21	17	29.15	57.06

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah BBN yang berkenaan hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dormant dan mengalami kerugian terkumpul. Ini adalah

untuk memastikan anak syarikat berdaya maju yang berterusan dan pelaburan dalam anak syarikat dapat memberi pulangan.

10.5.9. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.5.9.1. Berdasarkan Penyata Kewangan PBT tahun 2013 yang diterima, didapati 10 PBT telah mencatat defisit dan hanya 2 PBT sahaja iaitu Majlis Daerah Dabong (MDD) dan Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) yang mencatat surplus. Bagaimanapun, 11 PBT mempunyai aset semasa melebihi tanggungan semasa manakala 1 PBT iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu – BRI mempunyai tanggungan semasa melebihi aset semasa. Prestasi kewangan PBT bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 10.10**.

Jadual 10.10

Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2013			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2013		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Daerah Pasir Puteh	7.71	8.15	-0.44	12.51	3.16	9.35
2.	Majlis Daerah Machang	4.47	4.88	-0.41	6.88	0.95	5.93
3.	Majlis Daerah Pasir Mas	8.74	10.21	-1.48	7.39	1.77	5.62
4.	Majlis Daerah Ketereh	8.00	8.78	-0.78	6.77	0.99	5.78
5.	Majlis Daerah Gua Musang	7.70	6.69	1.01	6.22	1.38	4.84
6.	Majlis Daerah Tumpat	8.36	8.66	-0.30	6.02	1.48	4.54
7.	Majlis Daerah Tanah Merah	7.00	7.54	-0.54	5.29	2.42	2.87
8.	Majlis Daerah Bachok	5.24	5.90	-0.66	3.48	0.81	2.67
9.	Majlis Daerah Kuala Krai	5.26	5.46	-0.20	4.06	1.47	2.59
10.	Majlis Daerah Dabong	2.07	1.96	0.11	2.17	0.41	1.76
11.	Majlis Daerah Jeli	2.17	2.72	-0.55	0.62	0.27	0.35
12.	Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI	54.05	58.04	-3.99	37.17	40.63	-3.46

Sumber: Penyata Kewangan PBT

10.5.9.2. Pada tahun 2013, dua daripada 12 Majlis mengalami surplus semasa berjumlah RM1.12 juta. Majlis yang mengalami surplus semasa adalah MDD dan MDGM manakala 10 Majlis Daerah iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI (MPKB-BRI), Majlis Daerah Machang (MDM), Majlis Daerah Ketereh (MDK), Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM), Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP), Majlis Daerah Tumpat (MDT), Majlis Daerah Bachok (MDB), Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM), Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK) dan Majlis Daerah Jeli (MDJ) mencatatkan defisit bagi tahun semasa berjumlah RM9.35 juta,

menurun sebanyak RM4.15 juta atau 30.7% berbanding tahun 2012. Penurunan defisit adalah disebabkan oleh pengurangan susut nilai, belanja hapus kira, perbelanjaan projek dan lain-lain perbelanjaan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Perbandingan surplus/defisit bagi 12 PBT antara tahun 2013 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 10.11**.

Jadual 10.11

Kedudukan Kewangan Tahunan Bagi Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012	2013		
		Surplus/ Defisit (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI	-8.08	-3.99	4.09	-50.6
2.	Majlis Daerah Machang	-0.63	-0.41	0.22	-34.9
3.	Majlis Daerah Ketereh	-1.62	-0.78	0.84	-51.9
4.	Majlis Daerah Tanah Merah	-1.33	-0.54	0.79	-59.4
5.	Majlis Daerah Pasir Puteh	2.41	-0.44	-2.85	-118.3
6.	Majlis Daerah Gua Musang	-0.22	1.01	1.23	-559.1
7.	Majlis Daerah Tumpat	-0.39	-0.30	0.09	-23.1
8.	Majlis Daerah Bachok	-0.40	-0.66	-0.26	65.0
9.	Majlis Daerah Pasir Mas	-0.40	-1.48	-1.08	270.0
10.	Majlis Daerah Kuala Krai	-0.43	-0.20	0.23	53.5
11.	Majlis Daerah Jeli	0.01	-0.55	-0.56	-5,600.0
12.	Majlis Daerah Dabong	0.33	0.11	-0.22	-66.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT

10.5.9.3. Hasil Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2013, PBT telah membelanjakan sejumlah RM128.99 juta yang meliputi perbelanjaan emolument, perkhidmatan dan bekalan, perbelanjaan pembangunan/ infrastruktur dan lain-lain perbelanjaan. Hasil utama PBT pula adalah daripada cukai taksiran, sumbangan/terimaan daripada Kerajaan, faedah daripada pelaburan, lesen perniagaan dan perkhidmatan sewaan serta lain-lain bayaran perkhidmatan. Sumbangan/terimaan daripada Kerajaan merangkumi terimaan tunai di bank daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pelunasan aset pemberian Kerajaan Negeri. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, PBT telah mengutip hasil sejumlah RM120.78 juta di mana cukai merupakan hasil tertinggi berjumlah RM43.61 juta atau 36.1% daripada keseluruhan hasil PBT. Jenis hasil PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 10.12**.

Jadual 10.12

Jenis Hasil PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Kategori PBT	Bil. PBT	Cukai (RM Juta)	Terimaan Daripada Kerajaan (RM Juta)	Pelbagai (RM Juta)	Lesen (RM Juta)	Faedah Pelaburan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Perbandaran	1	26.60	7.02	14.56	5.87	0.00	54.05
Majlis Daerah	11	17.01	19.46	22.54	5.71	2.01	66.73
Jumlah	12	43.61	26.48	37.10	11.58	2.01	120.78

Sumber: Penyata Kewangan PBT

10.5.9.4. Aset Semasa Bersih

- a. Pada tahun 2013, kesemua 12 PBT di Kelantan mengamalkan perakaunan berasaskan terakru ubahsuaian. Mengikut perakaunan berasaskan terakru ubahsuaian, transaksi adalah direkodkan pada asas terakru kecuali sebahagian aset atau liabiliti yang tidak diambil kira dalam Lembaran Imbangan. Akaun belum terima hanya mengambil kira penghutang cukai taksiran dan sewa sahaja. Perkiraan aset semasa bersih PBT adalah aset semasa ditolak dengan liabiliti semasa. Aset semasa bersih PBT di Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.13**.

Jadual 10.13

**Aset Semasa Bersih PBT Di Negeri Kelantan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 Dan 2013**

PBT	Tahun 2012			Tahun 2013		
	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
MPKB-BRI	39.95	38.42	1.53	37.17	40.63	-3.46
MDPM	12.29	1.79	10.50	7.39	1.77	5.62
MDK	6.83	0.29	6.54	6.77	0.99	5.78
MDD	2.92	1.26	1.66	2.17	0.41	1.76
MDJ	1.22	0.20	1.02	0.62	0.27	0.35
MDGM	12.58	0.76	11.82	6.22	1.38	4.84
MDT	6.57	1.41	5.16	6.02	1.48	4.54
MDB	4.31	1.15	3.16	3.48	0.81	2.67
MDPP	14.99	3.98	11.01	12.51	3.16	9.35
MDKK	4.30	1.55	2.75	4.06	1.47	2.59
MDM	8.76	0.51	8.25	6.88	0.95	5.93
MDTM	6.81	1.97	4.84	5.29	2.42	2.87
Jumlah	121.53	53.29	68.24	98.58	55.74	42.84

Sumber: Penyata Kewangan PBT

- b. Analisis Audit terhadap aset semasa bersih PBT mendapati perkara seperti berikut:
- Aset semasa bersih PBT secara keseluruhan pada tahun 2013 telah menurun sejumlah RM25.40 juta atau 37.2%. Aset semasa bersih pada tahun 2012 berjumlah RM68.24 juta manakala pada tahun 2013 berjumlah RM42.84 juta.
 - MPKB-BRI mempunyai liabiliti semasa bersih sejumlah RM3.46 juta pada tahun 2013 iaitu penurunan sejumlah RM4.99 juta atau 326.1% berbanding sejumlah RM1.53 juta pada tahun 2012.
 - Pada tahun 2013, aset semasa bersih bagi 11 Majlis Daerah di Kelantan berjumlah RM46.30 juta. Jumlah ini menunjukkan penurunan sejumlah RM20.41 juta atau 30.6% berbanding sejumlah RM66.71 juta pada tahun 2012.

- iv. Satu PBT iaitu MDD menunjukkan peningkatan aset semasa bersih sejumlah RM0.10 juta atau 6.0% berbanding tahun sebelumnya.

10.5.9.5. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Caruman bantu kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik kerajaan. Sehingga akhir tahun 2013, sejumlah RM43.61 juta cukai taksiran telah diiktiraf oleh PBT. Hasil cukai taksiran ini bertambah sejumlah RM4.55 juta atau 11.7% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2012. Hasil cukai taksiran PBT bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.14**.

Jadual 10.14

Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI	25.94	26.60	0.66	2.5
2.	Majlis Daerah Pasir Mas	1.53	1.53	0.00	0.0
3.	Majlis Daerah Ketereh	1.20	2.35	1.15	95.8
4.	Majlis Daerah Dabong	0.62	0.62	0.00	0.0
5.	Majlis Daerah Jeli	0.07	0.12	0.05	71.4
6.	Majlis Daerah Gua Musang	1.11	3.21	2.10	189.2
7.	Majlis Daerah Tumpat	1.22	1.26	0.04	3.3
8.	Majlis Daerah Bachok	0.86	0.91	0.05	5.8
9.	Majlis Daerah Pasir Puteh	2.40	2.42	0.02	0.8
10.	Majlis Daerah Kuala Krai	1.65	2.06	0.41	24.9
11.	Majlis Daerah Machang	0.99	1.02	0.03	3.0
12.	Majlis Daerah Tanah Merah	1.47	1.51	0.04	2.7
Jumlah		39.06	43.61	4.55	11.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT

- b. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati jumlah tunggakan telah meningkat daripada RM47.43 juta pada tahun 2012 menjadi RM50.00 juta pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM2.57 juta atau 5.4%. Bagi kategori Perbandaran, jumlah tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM0.76 juta atau 3.3% berbanding tahun 2012. Begitu juga dengan Majlis Daerah, keseluruhan tunggakan cukai telah meningkat sejumlah RM1.81 juta atau sebanyak 7.4%. Peningkatan tunggakan cukai ini menunjukkan PBT perlu berusaha untuk mengutip tunggakan cukai Majlis. Tunggakan cukai taksiran bagi keseluruhan PBT adalah seperti di **Jadual 10.15**.

Jadual 10.15**Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI	22.80	23.56	0.76	3.3
2.	Majlis Daerah Pasir Mas	2.56	2.75	0.19	7.4
3.	Majlis Daerah Ketereh	1.68	1.72	0.04	2.4
4.	Majlis Daerah Dabong	0.79	1.07	0.28	35.4
5.	Majlis Daerah Jeli	0.00	0.00	0.00	0.0
6.	Majlis Daerah Gua Musang	0.29	0.32	0.03	10.3
7.	Majlis Daerah Tumpat	3.02	3.19	0.17	5.6
8.	Majlis Daerah Bachok	2.97	3.10	0.13	4.4
9.	Majlis Daerah Pasir Puteh	2.58	3.08	0.5	19.4
10.	Majlis Daerah Kuala Krai	2.42	2.80	0.38	15.7
11.	Majlis Daerah Machang	4.23	4.42	0.19	4.5
12.	Majlis Daerah Tanah Merah	4.09	3.99	-0.1	-2.4
Jumlah		47.43	50.00	2.57	5.4

Sumber: Penyata Kewangan PBT

- c. Adalah didapati 10 PBT telah menunjukkan peningkatan bagi tunggakan cukai taksiran manakala satu PBT telah menunjukkan penurunan bagi tunggakan cukai pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 iaitu Majlis Daerah Tanah Merah manakala satu PBT lagi iaitu Majlis Daerah Jeli tiada sebarang perubahan. Peningkatan tunggakan cukai yang dialami oleh PBT perlu diambil perhatian untuk mengukuhkan lagi kewangan PBT. Sehubungan itu, pihak PBT perlu mengambil tindakan yang lebih serius untuk mengurangkan peningkatan tunggakan cukai taksiran seperti mengeluarkan dan menghantar notis tuntutan selepas tarikh genap bayaran, mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang, mengadakan kaunter bergerak dan menyita pegangan yang berkaitan.

10.5.9.6. Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2013, jumlah pendapatan cukai taksiran bagi semua PBT adalah berjumlah RM43.61 juta. Manakala jumlah tunggakan cukai taksiran pula adalah berjumlah RM50.00 juta. Ini menunjukkan jumlah tunggakan cukai lebih tinggi berbanding pendapatan cukai taksiran iaitu sejumlah 114.7%. Peratus tunggakan berbanding pendapatan cukai taksiran bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 10.16**. Majlis Daerah Machang mempunyai peratus tunggakan tertinggi berbanding pendapatan cukai taksiran iaitu 433.3%.

Jadual 10.16**Peratus Tunggakan Berbanding Pendapatan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Tunggakan Berbanding Pendapatan (%)
1.	Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI	23.56	54.05	43.6
2.	Majlis Daerah Pasir Mas	2.75	8.74	31.5
3.	Majlis Daerah Ketereh	1.72	8.00	21.5
4.	Majlis Daerah Dabong	1.07	2.07	51.7
5.	Majlis Daerah Jeli	0.00	2.17	0.0
6.	Majlis Daerah Gua Musang	0.32	7.70	4.2
7.	Majlis Daerah Tumpat	3.19	8.36	38.2

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Tunggakan Berbanding Pendapatan (%)
8.	Majlis Daerah Bachok	3.10	5.24	59.2
9.	Majlis Daerah Pasir Puteh	3.08	7.71	40.0
10.	Majlis Daerah Kuala Krai	2.80	5.26	53.2
11.	Majlis Daerah Machang	4.42	4.47	98.9
12.	Majlis Daerah Tanah Merah	3.99	7.00	57.0
Jumlah		50.00	120.78	41.4

Sumber: Penyata Kewangan PBT

10.6. SYOR AUDIT

10.6.1. Untuk memastikan prestasi kewangan BBN bertambah kukuh, BBN adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

10.6.1.1. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar BBN perlu memastikan Penyata Kewangan diserahkan pada atau sebelum 30 April setiap tahun selaras dengan Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2009 dan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2009. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar BBN juga perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti Agensi yang dapat menjana pendapatan BBN.

10.6.1.2. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar BBN juga perlu mengambil tindakan tegas terhadap tunggakan hutang daripada penghutang dan juga daripada anak syarikat BBN supaya dapat mengukuhkan kedudukan tunai. Bagi anak syarikat BBN yang mengalami kerugian berterusan dan berstatus dorman, Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula kedudukan syarikat berkenaan sama ada untuk meneruskan operasi atau sebaliknya. Anak syarikat BBN hendaklah mengamalkan tadbir urus yang baik.

10.6.1.3. Bagi BBN yang kecil dan belum mewujudkan Unit Audit Dalam, pengauditan berkala oleh Unit Audit Dalam, Pejabat Menteri Besar Dan SUK hendaklah dilaksanakan untuk penambahbaikan pengurusan kewangan Agensi secara berterusan.

10.6.2. Untuk memastikan prestasi kewangan PBT bertambah kukuh, PBT adalah disyorkan menimbang langkah yang berkesan dan mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil bagi mengurangkan trend tunggakan cukai taksiran yang kian meningkat.


BAHAGIAN VI

Pembentangan

Laporan Ketua Audit Negara

Dan Mesyuarat Jawatankuasa

Kira-Kira Wang Awam Negeri



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 7 Oktober 2013. Manakala Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2012 Siri 3 telah pun dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 6 Mac 2014.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kelantan (Jawatankuasa) telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2011. Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 10 Oktober 2013. Sehingga 30 Jun 2014, Jawatankuasa telah bersidang sebanyak 5 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 dan 2013. Jawatankuasa juga telah memanggil Jabatan/Agensi/Syarikat yang berkaitan bagi mendapatkan taklimat selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam. Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan membuat lawatan ke tapak projek dan syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sehingga 30 Jun 2014 adalah seperti di **Jadual 12.1**.


Jadual 12.1

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sehingga 30 Jun 2014

Tarikh	Perkara	Agensi
24 Disember 2013	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil.1/2014 Mengadakan perbincangan dan pemilihan perenggan Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2012.	
29 Januari 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2014 Lawatan Pemeriksaan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Kelantan ke Majlis Daerah Tumpat.	Majlis Daerah Tumpat
10 Februari 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Bil.3/2014 Lawatan Pemeriksaan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Kelantan ke Pejabat Pembangunan Negeri	Pejabat Pembangunan Negeri
18 Februari 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Bil.4/2014 Lawatan Pemeriksaan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Kelantan ke Majlis Daerah Pasir Mas	Majlis Daerah Pasir Mas
19 Mei 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Bil.5/2014 Lawatan Pemeriksaan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Kelantan ke Majlis Daerah Gua Musang	Majlis Daerah Gua Musang

Sumber: Jabatan Audit Negara

PENUTUP



Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi pada tahun 2013 telah menunjukkan peningkatan dalam prestasi berbanding tahun 2012. Prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:


- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, pemantauan berterusan dan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

18 Ogos 2014

LAMPIRAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpanduan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada 31 Disember 2013; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
5 Jun 2014



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2013.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2013.



DATO' HAJI NIK KAZIM BIN HAJI NIK YUSOFF

Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

24 Februari 2014



HAJAH FARIDAH BINTI MAT ZIN

Bendahari Negeri Kelantan

24 Februari 2014

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2013

		2013	2012
	<i>Nota</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	70,004,132	113,428,243
PELABURAN	4	10,711,320	14,161,320
		80,715,452	127,589,563
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULANWANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(585,905,720)	(508,120,732)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	27,705,396	1,874,498
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	638,915,776	633,835,797
		80,715,452	127,589,563

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

		<u>2013</u>		<u>2012</u>	
	<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		83,904,834		76,512,348	
Hasil Bukan Cukai		114,634,382		131,791,975	
Terimaan Bukan Hasil		<u>179,564,086</u>	378,103,302	<u>165,341,438</u>	373,645,761
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		62,644,747	62,644,747	<u>37,154,572</u>	37,154,572
Terimaan Modal	7				
Pelbagai Terimaan Modal		50,272,300		50,927,748	
Jualan Instrumen Kewangan		<u>3,450,000</u>	53,722,300	<u>97,170,000</u>	148,097,748
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		<u>547,669,819</u>	547,669,819	<u>886,816,572</u>	886,816,572
Jumlah Terimaan			<u>1,042,140,168</u>		<u>1,445,714,653</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

		<u>2013</u>		<u>2012</u>	
	<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		156,327,551		155,947,241	
Perkhidmatan dan Bekalan		88,484,159		81,228,875	
Aset		16,329,489		13,706,225	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		188,843,749		189,718,321	
Perbelanjaan Lain		<u>378,583</u>	450,363,531	<u>402,530</u>	441,003,192
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		137,966,159		138,732,780	
Pinjaman		<u>36,813,849</u>	174,780,008	<u>35,280,074</u>	174,012,854
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>0.00</u>		<u>0.00</u>	0.00
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		<u>5,524,759</u>	5,524,759	<u>2,328,575</u>	2,328,575
Bayaran Lain					
Akaun Amanah	7	<u>454,895,981</u>	454,895,981	<u>838,077,088</u>	838,077,088
Jumlah Bayaran			<u>1,085,564,279</u>		<u>1,455,421,710</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(43,424,111)		(9,707,057)
Wang Tunai Pada 1 Januari			113,428,243		123,135,300
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>70,004,132</u>		<u>113,428,243</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

		<u>2013</u>		<u>2012</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		RM	RM	RM
HASIL	5	581,774,878	378,103,302	373,645,761
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus	5	573,745,490	455,888,290	443,331,767
LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL		8,029,388	(77,784,988)	(69,686,006)
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan	7	264,056,996	174,780,008	174,012,854
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(256,027,608)	(252,564,996)	(243,698,860)
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman	6		62,644,747	37,154,572
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		50,272,300	50,927,748
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			139,647,949	155,616,540
JUMLAH PEMBIAYAAN			252,564,996	243,698,860

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2013**

		<u>2013</u>	<u>2012</u>
	<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET			
Pinjaman Boleh Dituntut	8	874,913,073	833,929,621
Pelaburan	8	9,335,925	11,548,493
MEMORANDUM LIABILITI			
Hutang Awam	9	1,233,435,715	1,174,896,999

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulanwang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil yang diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil Agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulanwang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulanwang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusan niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

- i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2013 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard* (IPSAS) - *Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pelaburan Deposit Dalam Negeri dalam tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM62,500,000.00 juta telah diklasifikasi sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan para 1.2.3. *Cash Basis IPSAS*.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai Pejabat Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2013 RM	2012 RM
Wang Tunai Dalam Bank	69,925,859	112,996,290
Wang Tunai Dalam Perjalanan	47,096	407,111
Wang Tunai Dalam Tangan	31,177	24,843
JUMLAH WANG TUNAI	70,004,132	113,428,243

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mengandungi Terimaan & Bayaran Amanah yang berjumlah masing-masing RM547,669,819.00 dan RM454,895,981.00 yang mengambil kira transaksi selain daripada aliran masuk dan keluar tunai contohnya jernal.

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulanwang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai kos.

Pelaburan Kumpulanwang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulanwang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulanwang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulanwang Amanah.

Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2013 Nilai Kos		2012 Nilai Kos	
	Pelaburan		Pelaburan	
	Kumpulanwang Amanah	Pelaburan Am	Kumpulanwang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Saham	1,000,000	3,981,320	1,450,000	3,981,320
Deposit Dalam Negeri	5,730,000	0.00	8,730,000	0.00
<i>Jumlah</i>	6,730,000	3,981,320	10,180,000	3,981,320
JUMLAH PELABURAN	10,711,320		14,161,320	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Perihal	Anggaran	2013		2012	
	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<i>BAKI PADA 1 JANUARI</i>		(508,120,732)		(438,434,725)	
HASIL					
Hasil Cukai	296,801,123	83,904,834	28.27	76,512,348	86.47
Hasil Bukan Cukai	171,567,505	114,634,382	66.82	131,791,975	67.16
Terimaan Bukan Hasil	113,406,250	179,564,086	158.34	165,341,438	113.60
Jumlah Hasil	581,774,878	378,103,302	64.99	373,645,761	86.84
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	172,365,515	156,327,551	90.70	155,947,241	94.59
Perkhidmatan dan Bekalan	96,167,972	88,484,159	92.01	81,228,875	94.69
Aset	21,427,724	16,329,489	76.21	13,706,225	57.32
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	281,613,269	194,368,508	69.02	192,046,896	64.40
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	2,171,010	378,583	17.44	402,530	18.98
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	573,745,490	455,888,290	79.46	443,331,767	77.12
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulanwang Pembangunan		0.00		0.00	0.00
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulanwang Amanah Bekalan Air		0.00		0.00	0.00
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	573,745,490	455,888,290	79.46	443,331,767	77.12
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		(77,784,988)		(69,686,006)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(585,905,720)		(508,120,732)	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulanwang Pembangunan.

a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>Anggaran</i>		<i>2013</i>		<i>2012</i>	
	<i>Asal</i>	<i>Disemak</i>	<i>Sebenar</i>		<i>Sebenar</i>	
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>% Anggaran</i>	<i>RM</i>	<i>% Anggaran</i>
HASIL CUKAI						
Cukai Langsung	292,548,123	292,548,123	83,587,093	28.57	76,012,878	90.24
Cukai Langsung Lain	3,000	3,000	915	30.50	1,013	33.75
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	4,250,000	4,250,000	316,826	7.45	498,457	11.73
Jumlah Hasil Cukai	296,801,123	296,801,123	83,904,834	28.27	76,512,348	86.47
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen Dan Permit	8,543,570	8,543,570	5,693,700	66.64	3,969,420	52.36
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	28,384,930	28,384,930	28,687,390	101.07	33,494,259	122.73
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	95,671,645	95,671,645	68,372,680	71.47	78,156,510	82.15
Sewaan	394,530	394,530	349,144	88.50	365,836	94.46
Keuntungan Pembiayaan	8,103,060	8,103,060	4,261,278	52.59	9,443,829	62.48
Dan Perolehan Daripada Simpanan/ Pelaburan						
Denda Dan Hukuman	30,469,770	30,469,770	7,270,191	23.86	6,362,120	12.54
Jumlah Hasil Bukan Cukai	171,567,505	171,567,505	114,634,382	66.82	131,791,975	67.16
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	27,006,250	27,006,250	9,997,191	37.02	8,070,241	30.87
Terimaan Daripada Agensi-Agensi Kerajaan Yang Lain	86,400,000	86,400,000	169,566,895	196.26	157,271,198	131.72
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	113,406,250	113,406,250	179,564,086	158.34	165,341,438	113.60
JUMLAH HASIL	581,774,878	581,774,878	378,103,302	64.99	373,645,761	86.84

b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti berikut:

- i) Emolumen, barang-barang dan perkhidmatan
- ii) Pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Bekalan Air
- iii) Peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian dan pinjaman

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut undang-undang.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Bagi maksud perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, suatu Anggaran Tambahan telah dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 17 - 18 Jun 2013 dan 7 - 10 Oktober 2013 mengikut Peraturan (113) (1) daripada Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap Dewan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	2013			
	<i>Anggaran</i>	<i>Anggaran</i>	<i>Sebenar</i>	<i>%</i>
	<i>Asal</i>	<i>Dipinda</i>		
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>Anggaran</i>
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja	1,939,080	1,939,080	1,939,080	100.00
T. 02 Elaun Di Bawah Perlembagaan Dan Lain-Lain Elaun	320,000	320,000	102,000	31.88
T. 03 Pengetua Dewan	147,195	147,195	111,468	75.73
T. 04 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	345,858	345,858	341,484	98.74
T. 05 Pampasan Pekerja	10	10	0.00	0.00
T. 06 Bayaran Atas Kira-Kira Hutang Kerajaan	10,000,000	6,800,000	5,524,759	81.25
T. 07 Majlis Perajaan Negeri dan Majlis Penasihat Raja	546,700	546,700	465,247	85.10
T. 08 Bayaran Pelbagai	10	10	0.00	0.00
T. 09 Perbendaharaan Negeri Kelantan	9,600,000	12,800,000	10,513,412	82.14
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	22,898,853	22,898,853	18,997,451	82.96

PERBELANJAAN BEKALAN

B. 01 Pejabat Sultan	16,993,500	22,940,760	20,242,507	88.24
B. 02 Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	34,681,195	33,439,523	29,078,139	86.96
B. 03 Dewan Undangan Negeri	12,688,723	12,062,223	10,377,893	86.04
B. 04 Perkhidmatan Serbanika	57,197,280	66,295,401	65,060,056	98.14
B. 05 Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	8,139,076	8,613,931	8,036,764	93.30
B. 06 Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok	4,269,900	4,471,352	4,267,787	95.45
B. 07 Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu	8,017,629	8,247,483	7,436,924	90.17
B. 08 Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang	4,099,620	4,223,997	3,908,302	92.53
B. 09 Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas	5,800,900	6,116,524	5,780,278	94.50
B. 10 Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh	4,944,244	5,109,911	4,962,993	97.12
B. 11 Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah	4,195,130	4,369,715	4,284,975	98.06
B. 12 Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat	4,762,985	4,894,681	4,360,556	89.09
B. 13 Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai	3,830,810	3,946,894	3,768,476	95.48
B. 14 Pejabat Tanah Dan Jajahan Gua Musang	4,024,560	4,157,973	3,953,663	95.09
B. 15 Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli	3,160,960	3,277,856	3,245,249	99.01
B. 16 Jabatan Perhutanan Negeri	15,421,900	16,081,900	11,514,026	71.60
B. 17 Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	20,158,400	20,954,915	19,609,148	93.58
B. 18 Jabatan Pertanian Negeri	12,503,000	12,910,500	11,984,335	92.83
B. 19 Jabatan Kerja Raya Negeri	28,501,420	29,527,492	26,208,551	88.76
B. 20 Pejabat Mufti	1,561,230	1,601,041	1,410,905	88.12
B. 21 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	31,497,206	33,642,805	32,090,941	95.39
B. 22 Jabatan Kebajikan Masyarakat	18,002,500	18,088,720	16,548,987	91.49
B. 23 Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	660,856	683,132	621,146	90.93
B. 24 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	2,542,022	2,618,488	2,403,393	91.79
B. 25 Pejabat Perbendaharaan Negeri	89,256,441	105,672,261	100,056,879	94.69
B. 26 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	7,437,930	7,666,095	6,963,743	90.84
B. 27 Pejabat Pembangunan Negeri	21,544,792	21,578,546	17,518,013	81.18
B. 28 Pejabat Tanah Dan Jajahan Kecil Lojing	591,380	606,470	483,436	79.71
B. 29 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	5,439,650	5,874,576	5,538,557	94.28
B. 30 Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	75,471,473	75,471,473	0.00	0.00
B. 31 Jabatan Perikanan Negeri	576,560	593,216	549,244	92.59
B. 32 Jabatan Air Negeri	5,074,914	5,106,783	4,624,974	90.57

Jumlah Perbelanjaan Bekalan	513,048,186	550,846,637	436,890,839	79.31
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)	535,947,039	573,745,490	455,888,290	79.46
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULANWANG PEMBANGUNAN			0.00	
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULANWANG AMANAH BEKALAN AIR			0.00	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)			455,888,290	

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dengan anggaran dipinda dan di antara anggaran dipinda dengan perbelanjaan sebenar diterangkan di Laporan Bendahari Negeri.

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan menunjukkan jumlah pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa Undang-Undang Negeri. Perbelanjaan daripada akaun ini adalah terdiri daripada bayaran balik pinjaman dan pinjaman balik kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun atau Syarikat Milik Kerajaan serta pindahan Kumpulanwang Pembangunan untuk tujuan perbelanjaan pembangunan.

Semua Amaun Pinjaman dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan pada akhir tahun kecuali baki berjumlah RM27,705,396.00 yang merupakan pinjaman kepada Projek-Projek Bekalan Air Kelantan Sdn. Bhd. melalui Kerajaan Persekutuan yang diterima pada bulan Disember tahun 2013. Pembayaran tidak dapat dibuat dalam tahun semasa kerana kelewatan menandatangani perjanjian.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2013 <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>	2012 <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	1,874,498	0.00
Terimaan	62,644,747	37,154,572
Bayaran		
PINDAHAN		
PINDAHAN KE		
<i>Kumpulanwang Pembangunan</i>	(36,813,849)	(35,280,074)
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	27,705,396	1,874,498

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan, sebahagian besar urus niaga semasa terdiri daripada urus niaga Akaun Penyelesaian. Akaun Penyelesaian ini mengakaunkan urus niaga bagi Akaun Kawalan, Akaun Kena Bayar dan akaun seumpamanya yang tidak melibatkan terimaan atau bayaran sebenar.

Cadangan menukarkan Akaun Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri dari Seksyen 9 kepada Seksyen 10 telah diluluskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri kali Kedua pada 7 hingga 10 Oktober 2013. Bagaimana pun surat ikatan Amanah tersebut berkuatkuasa pada tahun 2014.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>Baki pada 01.01.2013 (Debit)/Kredit RM</i>	<i>Debit RM</i>	<i>Kredit RM</i>	<i>Baki pada 31.12.2013 (Debit)/Kredit RM</i>
KUMPULANWANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulanwang Pembangunan	(283,264,237)	174,780,008	87,086,149	(370,958,096)
Kumpulanwang Bekalan Air	(87,771,528)	0.00	0.00	(87,771,528)
Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan	169,585,521	107,603,624	102,294,753	164,276,650
<i>Jumlah Kumpulanwang Amanah Kerajaan</i>	<i>(201,450,245)</i>	<i>282,383,632</i>	<i>189,380,902</i>	<i>(294,452,974)</i>
KUMPULANWANG AMANAH AWAM				
Kumpulanwang Amanah Awam	481,427,092	230,172,897	326,339,532	577,593,727
<i>Jumlah Kumpulanwang Amanah Awam</i>	<i>481,427,092</i>	<i>230,172,897</i>	<i>326,339,532</i>	<i>577,593,727</i>
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	353,858,949	117,119,460	119,035,535	355,775,024
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	353,858,949	117,119,460	119,035,535	355,775,024
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	633,835,797	629,675,989	634,755,969	638,915,776

Terimaan lain dan bayaran lain masing-masing berjumlah RM547,669,819 dan RM454,895,981 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah merupakan terimaan Amanah dan bayaran Amanah kecuali Kumpulanwang Pembangunan.

Kurangan pembiayaan berjumlah RM252,564,996 di Penyata Prestasi Kewangan dibiayai oleh Pinjaman Dalam Negeri , Terimaan Bayaran Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan Modal serta Perubahan Dalam Tunai, Pelaburan dan Amanah.

a) Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Kumpulanwang Amanah Kerajaan mengakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulanwang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulanwang Pembangunan, Kumpulanwang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan.

- i) Kumpulanwang Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi Kumpulanwang ini terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Pertambahan Hasil dan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup, pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan untuk maksud pembangunan dan caruman atau pindahan dari Akaun Hasil Disatukan.

Bayaran Kumpulanwang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulanwang Pembangunan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2013 (Debit)/Kredit RM</i>	<i>2012 (Debit)/Kredit RM</i>
<i>BAKI PADA 1 JANUARI</i>	(283,264,237)	(195,459,205)
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	36,813,849	35,280,074
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	28,597,000	28,597,000
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	21,675,300	22,330,748
Jumlah Terimaan	87,086,149	86,207,822
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	(137,966,159)	(138,732,780)
Pinjaman kepada Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd	(36,813,849)	(35,280,074)
Jumlah Bayaran	(174,780,008)	(174,012,854)
Lebihan/(Kurangan)	(87,693,859)	(87,805,032)
BAKI KUMPULANWANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER	(370,958,096)	(283,264,237)

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

- ii) Sumber kewangan Kumpulanwang Amanah Bekalan Air merupakan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

Kumpulanwang Amanah Bekalan Air pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2013 <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>	2012 <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>
<i>BAKI PADA 1 JANUARI</i>	(87,771,528)	(87,771,528)
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan		
Bekalan Air	0.00	0.00
Jumlah Terimaan	0.00	0.00
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	0.00	0.00
Pinjaman	0.00	0.00
Jumlah Bayaran	0.00	0.00
Lebihan/(Kurangan)		
BAKI KUMPULANWANG AMANAH BEKALAN AIR PADA 31 DISEMBER	(87,771,528)	(87,771,528)

- iii) Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulanwang Luar Jangka, Akaun Kena Bayar dan Pelbagai Kumpulanwang yang ditubuhkan melalui enakmen yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, iaitu di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Penubuhan Kumpulanwang ini adalah untuk membolehkan Kerajaan menyalurkan peruntukan ke satu tabung untuk sesuatu tujuan. Sebahagian dari Kumpulanwang ini pula merupakan Kumpulanwang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2013 <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>	2012 <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>
AKAUN PENYELESAIAN		
Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	11,470,029	8,243,711
Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan	101,000,000	115,000,000
Akaun Pendahuluan Daripada Perbadanan Menteri Besar	15,000,000	15,000,000
Akaun Transit Kerajaan Persekutuan	1,519,357	0.00
Terimaan melalui Portal Jabatan Veterinar	66	0.00
Jumlah Akaun Penyelesaian	128,989,452	138,243,711
AKAUN PINJAMAN		
Pinjaman Perumahan ADUN	976,058	565,190
Pendahuluan Membeli Kenderaan	4,099,585	3,834,227
Pendahuluan Pembiayaan Komputer	1,159,305	1,112,041
Pendahuluan Diri Pelbagai	1,438,857	473,823
Pendahuluan Diri Pegawai Kerajaan	500,991	1,416,746
Jumlah Akaun Pinjaman	8,174,796	7,402,027

KUMPULANWANG LUAR JANGKA

Kumpulanwang Belanja Mengejut

6,000,000	6,000,000
-----------	-----------

*Jumlah Kumpulanwang Luar Jangka***6,000,000 6,000,000****PELBAGAI KUMPULANWANG**

Kumpulanwang Simpanan Kerabat DiRaja

Tabung Amanah Tok Kenali

521,807	521,807
7,071,630	6,735,540

*Jumlah Pelbagai Kumpulanwang***7,593,437 7,257,347****AKAUN KENA BAYAR**

Akaun Kena Bayar

13,518,964	10,682,436
------------	------------

*Jumlah Pelbagai Kumpulanwang***13,518,964 10,682,436****JUMLAH PELBAGAI KUMPULANWANG AMANAH KERAJAAN****164,276,650 169,585,521****b) Kumpulanwang Amanah Awam**

Kumpulanwang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulanwang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber Kewangan Kumpulanwang ini adalah daripada sumbangan Syarikat Swasta atau orang ramai untuk tujuan tertentu.

Kumpulanwang Amanah Awam yang matan bagi setiap Kumpulanwang Amanah Awam pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2013 RM	2012 RM
AMANAH AM		
Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan		
<i>Jumlah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan</i>	289,946	541,319
Jabatan Pengarah Tanah Dan Galian		
<i>Jumlah Jabatan Pengarah Tanah Dan Galian</i>	3,058,656	232,682
Jabatan Perhutanan Negeri		
<i>Jumlah Jabatan Perhutanan Negeri</i>	48,649,579	48,892,655
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri		
<i>Jumlah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri</i>	1,259	1,259
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam		
<i>Jumlah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam</i>	32,036	32,036

Pejabat Perbendaharaan Negeri		
<i>Jumlah Pejabat Perbendaharaan Negeri</i>	525,020,612	431,200,440
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri		
<i>Jumlah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri</i>	109,329	86,364
Pejabat Pembangunan Negeri		
<i>Jumlah Pejabat Pembangunan Negeri</i>	350,231	349,157
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri		
<i>Jumlah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri</i>	82,080	91,180
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	577,593,726	481,427,092

c) Akaun Deposit

Akaun Deposit mengaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Pengambilanbalik Tanah dan Deposit Perumahan Awam Kos Rendah.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	2013 <i>(Debit)/Kredit</i> RM	2012 <i>(Debit)/Kredit</i> RM
<i>Perihal</i>		
DEPOSIT AM		
Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan		
<i>Deposit Sewa Rumah Transit Panji</i>	34,280	34,280
<i>Pejabat Setiausaha Kerajaan</i>	712,534	1,539,876
<i>Perumahan SUK - Wang Jaminan Perlaksanaan</i>	193,018	193,018
<i>Deposit Harga Rumah Awam Kos Rendah Gaal, Pasir Puteh</i>	38,501	16,501
<i>Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan Projek UPEN</i>	257,000	134,000
Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	21,420,829	20,855,833
Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok	4,181,064	4,695,355
Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu	28,040,731	33,637,308
Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang	1,933,045	2,460,269
Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas	5,147,473	4,948,403
Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh	6,899,040	6,942,075
Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah	10,369,701	10,134,572
Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat	2,431,919	2,294,690
Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai	27,146,874	27,851,201
Pejabat Tanah Dan Jajahan Gua Musang	68,950,094	71,340,757
Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli	15,688,688	14,876,188
Jabatan Perhutanan Negeri	130,256,364	121,788,321
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri		
<i>Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan</i>	353,008	82,474
<i>Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri</i>	424,841	424,841
Jabatan Pertanian Negeri		
<i>Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan</i>	0.00	0.00
<i>Jabatan Pertanian Negeri</i>	270	500
Jabatan Kerja Raya Negeri		
<i>Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan</i>	1,454,844	943,717
<i>Jabatan Kerja Raya Negeri</i>	4,732,374	5,921,337
<i>Deposit Jabatan Kerja Raya Mekanikal</i>	0.00	2,300
Pejabat Perbendaharaan Negeri		
<i>Perbendaharaan Negeri Kelantan</i>	26,400	26,900
<i>Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan</i>	25,983	25,983

	2013 (Debit)/Kredit RM	2012 (Debit)/Kredit RM
<i>Perihal</i>		
Pejabat Pembangunan Negeri		
<i>Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan</i>	697,951	1,001,960
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri		
<i>Deposit Perintah Bersaling</i>	0.00	500.00
<i>Mahkamah Rendah Syariah Jeli</i>	4,300	4,300
<i>Mahkamah Rendah Syariah Bachok</i>	10,530	10,530
<i>Mahkamah Rendah Syariah Gua Musang</i>	14,900	20,000
<i>Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu</i>	238,784	236,684
<i>Mahkamah Rendah Syariah Kuala Krai</i>	37,320	30,720
<i>Mahkamah Rendah Syariah Machang</i>	22,000	19,800
<i>Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas</i>	21,090	37,380
<i>Mahkamah Rendah Syariah Pasir Puteh</i>	13,850	19,750
<i>Mahkamah Rendah Syariah Tanah Merah</i>	44,770	35,970
<i>Mahkamah Rendah Syariah Tumpat</i>	40,460	47,280
<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	18,800	76,608
Pejabat Perikanan Negeri		
<i>Deposit Pejabat Perikanan Pasir Puteh</i>	60,000	37,000
<i>Pejabat Perikanan Bachok</i>	1,506,976	1,542,976
<i>Pejabat Perikanan Kota Bharu</i>	146,879	146,229
<i>Pejabat Perikanan Tumpat</i>	98,785	97,983
Jabatan Air Negeri Kelantan		
<i>Jabatan Air Negeri Kelantan</i>	147,063	142,072
<i>Jumlah Deposit Am</i>	333,843,330	334,678,439

DEPOSIT PENGAMBILAN BALIK TANAH

Pejabat Tanah Dan Galian	6,248,914	11,495,410
Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok	1,416,261	2,682,301
Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu	12,633,900	3,504,000
Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas	583,720	417,983
Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat	787,991	805,291
<i>Jumlah Deposit Pengambilan Balik Tanah</i>	21,670,786	18,904,986

2013	2012
(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
RM	RM

DEPOSIT PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH

Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan

Rumah Awam Kos Rendah Padang Tembak, Pengkalan Chepa
Rumah Awam Kos Rendah Bachok I dan II
Rumah Awam Kos Rendah Bachok III
Rumah Awam Kos Rendah Bandar Pasir Puteh
Rumah Awam Kos Rendah Banggol Kulim
Rumah Awam Kos Rendah Batu 3 Jalan Pahi, Kuala Krai
Rumah Awam Kos Rendah Batu II Tanah Merah
Rumah Awam Kos Rendah Binjai Manis
Rumah Awam Kos Rendah Buluh Kubu
Rumah Awam Kos Rendah Chabang Empat
Rumah Awam Kos Rendah Cherang Ruku
Rumah Awam Kos Rendah Geting
Rumah Awam Kos Rendah Gua Musang
Rumah Awam Kos Rendah Jalan Joh Machang
Rumah Awam Kos Rendah Ju Bakar Tumpat
Rumah Awam Kos Rendah Kampung Dangar
Rumah Awam Kos Rendah Kampung Lati
Rumah Awam Kos Rendah Kandis
Rumah Awam Kos Rendah Kok Lanas
Rumah Awam Kos Rendah Kusial Baru
Rumah Awam Kos Rendah Limau Hantu
Rumah Awam Kos Rendah Manal Jaya
Rumah Awam Kos Rendah Padang Selising
Rumah Awam Kos Rendah Parayit
Rumah Awam Kos Rendah Perupok
Rumah Awam Kos Rendah SPKA Jalan Joh
Rumah Awam Kos Rendah Selising
Rumah Awam Kos Rendah Semut Api
Rumah Awam Kos Rendah Sungai Durian
Rumah Awam Kos Rendah Temangan
Rumah Pangsa Kampung Sireh
Rumah Teres Kayu Jalan Hamzah
Rumah Teres Kayu Wakaf Mek Zainab

8,376	8,376
2,280	2,280
2,708	2,708
11,980	12,700
12,280	12,496
6,492	6,492
6,700	6,700
5,120	5,160
4,839	4,839
7,260	7,280
4,925	5,035
10,080	10,080
18,720	21,120
12,400	13,920
14,340	15,040
10,843	11,643
12,960	14,400
6,264	6,264
5,100	5,820
10,160	10,960
7,520	8,560
2,810	2,810
4,525	4,795
1,605	1,605
2,454	2,454
3,866	4,000
7,280	7,920
6,380	8,200
7,134	8,118
2,800	2,800
11,052	11,295
23,895	23,895
5,760	5,760
260,908	275,525
355,775,024	353,858,949

Jumlah Deposit Perumahan Awam Kos Rendah

Jumlah Akaun Deposit

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun, dan Syarikat Milik Kerajaan yang mana sumber-sumber ini adalah terdiri daripada Sumber Negeri dan Sumber Persekutuan yang dipinjamkan balik oleh Kerajaan Negeri kepada agensi-agensi berkenaan.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>Baki Belum Selesai pada</i>	
	<i>2013</i>	<i>2012</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Badan-Badan Berkanun		
Sumber Negeri	28,734,905	28,460,876
Sumber Persekutuan	196,426,129	197,735,164
Pihak Berkuasa Tempatan		
Sumber Negeri	10,524,919	5,170,310
Sumber Persekutuan	7,141,289	7,291,289
Syarikat		
Sumber Persekutuan	632,085,831	595,271,982
<i>Jumlah Pinjaman Boleh Dituntut (Sumber Negeri)</i>	39,259,824	33,631,186
<i>Jumlah Pinjaman Boleh Dituntut (Sumber Persekutuan)</i>	835,653,249	800,298,435
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	874,913,073	833,929,621

Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2013.

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat dan lain-lain.

Pelaburan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>Nilai Buku</i>	
	<i>2013</i>	<i>2012</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Pelaburan Am		
Saham	4,865,000	4,875,497
Pelaburan	4,470,925	6,672,996
JUMLAH PELABURAN	9,335,925	11,548,493

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2013.

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti Kerajaan iaitu Hutang Awam yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Awam

Hutang Awam adalah terdiri daripada baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Ini termasuklah jumlah pinjaman yang diterima untuk dipinjamkan balik kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri serta untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan projek Perumahan Awam Kos Rendah.

Maklumat terperinci Hutang Awam dapat dirujuk di Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2013.

Hutang Awam pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2013</i> <i>RM</i>	<i>2012</i> <i>RM</i>
PINJAMAN		
Hutang Awam		
Pinjaman Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	264,700,520	266,559,529
Pinjaman Projek Bekalan Air	709,781,703	647,136,956
Pinjaman Projek Syarikat Majaari Sdn. Bhd.	30,000,000	30,000,000
Pinjaman Projek Perumahan Awam Kos Rendah	62,644,049	63,519,897
Pinjaman Projek Sektor Pelbagai	166,309,443	167,680,617
JUMLAH HUTANG AWAM	1,233,435,715	1,174,896,999

10. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM94,602,587.03. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM51,021,438.57 adalah dari Denda Cukai Tanah.



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my